

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA  
PUAN WAN SALMAH BINTI WAN SULAIMAN,  
MENGENAI PENGALAMAN BELIAU SEBAGAI  
TOKOH ULEK MAYANG**

**NUR SYAZWANI BINTI AHMAD SUHAIMI  
(2020996989)**

**CHE WAN SOLIHAN BINTI CHE WAN NOH  
(2020960831)**

**FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT**

**SEMESTER MAC 2021-JULAI 2021**

## ISI KANDUNGAN

	Isi Kandungan	M/S
<i>Roman</i>	Abstrak	iii
<i>Numerals</i>	Penghargaan	v
	Senarai Abreviasi	vi
	Senarai Singkatan	vii
	Rujukan Kata	viii
1.0	Biodata Penemubual	1
	1.1 Penemubual Pertama	2
	1.2 Penemubual Kedua	3
2.0	Biodata Tokoh	4
	2.1 Biodata Tokoh	5
	2.2 Pengenalan kepada tokoh	6
3.0	Sejarah Lisan	8
	3.1 Pengenalan	9
	3.2 Objektif Sejarah Lisan	9
	3.3 Kepentingan Sejarah Lisan	10
4.0	Kajian Literatur	11
	4.1 Topik 1	12
	4.2 Topik 2	14
5.0	Transkrip Temubual Bersama Tokoh	18
6.0	Log Temubual	78
7.0	Ralat	101
8.0	Glosari	103
9.0	Indeks	110
10.0	Bibliografi	116

11.0	Lampiran	120
	11.1 Biografi Tokoh	121
	11.2 Surat Perjanjian	122
	11.3 Senarai Soalan	123
	11.4 Diari Penyelidikan	127
	11.5 Gambar, sijil-sijil dan bahan lain yang berkaitan	135

## ABSTRAK

*Transkrip ini membincangkan tentang pengalaman seorang tokoh yang merupakan yang masih mewarisi seni kebudayaan bertajuk ulek mayang. Ia merupakan salah satu daripada pecahan kategori dalam jenis ulek mayang, selain daripada tarian zapin, dikir barat dan sebagainya. Selain menyentuh sedikit sebanyak mengenai latar belakang tokoh yang masih mewarisi kesenian ini, projek sejarah lisan ini akan cuba mengungkap kebenaran sebenar disebalik isu yang sering kali dikaitkan dengan kesenian iaitu khurafat. Bermula dari sejarah tentang seni kebudayaan ulek mayang ini, kajian juga menumpukan secara menyeluruh tentang peralatan, syarat-syarat, ritual-ritual yang dikaitkan, fungsi setiap cerita dan lagu, isu-isu yang berkaitan dan paling utama adalah keunikan seni kebudayaan ulek mayang itu tersendiri. Kajian ini bukan sahaja melalui Puan Wan Salmah Binti Wan Sulaiman, malah turut diperolehi dari beberapa sumber yang lain bagi melihat sejauh mana persamaan dan perbezaan dalam kajian yang telah dilakukan. Implikasi dari kajian ini adalah terutamanya kepada pengkaji, pelajar dan orang awam. Melalui projek sejarah lisan juga, generasi pada hari ini mengenali dengan lebih lanjut tentang seni kebudayaan ulek mayang.*

## Kata Kunci

Ulek Mayang, Mantera, Ritual, Khurafat, Jampi.

## ABSTRACT

*This transcript discusses the experience of a figure who is the sole heir to the cultural art known as ulek mayang. Apart from zapin dance, dikir barat, and so on, it is one of the category breakdowns in the genre of ulek mayang. This oral history project will attempt to explain the real truth behind the issue of superstition, which is often associated with art, in addition to touching a little on the background of the persons who still inherited this art. Starting with the history of ulek mayang cultural art, the study delves into the equipment, conditions, and rituals involved with each narrative and song, the function of each story and song, related issues, and, most crucially, the uniqueness of ulek mayang cultural art itself. This study was gathered not only from Puan Wan Salmah Binti Wan Sulaiman, but also from numerous additional sources to determine the number of parallels and differences in the research. This study's consequences are primarily for researchers, students, and the public. Moreover,*

*today's generation learns more about the cultural art of ulek mayang through oral history programs as well.*

Keywords: Ulek Mayang, spell, ritual, superstition,

## PENGHARGAAN

Dengan penuh kesyukuran, saya Nur Syazwani Binti Ahmad Suhaimi dan rakan seperjuangan saya iaitu Che Wan Solihah bersyukur kerana kami telah berusaha dan berjaya dalam menyiapkan tugas transkrip yang bertajuk seni dan kebudayaan ulek mayang untuk semester ini. Kami juga ingin mengucapkan sepenuh penghargaan yang tidak terhingga kepada pensyarah kami iaitu Puan Siti Noorsiah yang telah bertungkus-lumus dan beliau sentiasa menyokong dengan memberi kata-kata semangat sepanjang tempoh menyiapkan transkrip ini. Tambahan pula, beliau juga turut memberikan sepenuh kepercayaan kepada kami untuk menyiapkan tugas transkrip dalam tempoh yang telah ditetapkan. Sepanjang proses tugas ini disiapkan, beliau banyak membantu dan memberi tunjuk ajar sepanjang tugas ini dijalankan.

Sekalung ucapan terima kasih kami ucapkan kepada kedua ibu bapa kami kerana telah menyokong dan sentiasa mendoakan yang terbaik untuk kami. Ucapan ini juga ditujukan kepada rakan-rakan yang lain yang terlibat secara langsung atau tidak langsung kerana mereka juga membantu dalam tempoh menyiapkan tugas ini.

Akhir sekali, kami berharap agar kerjasama dan sokongan yang telah diberikan dapat membuahkan hasil dengan memperoleh kejayaan pada masa hadapan dan memberikan pengalaman yang bermakna sepanjang melaksanakan tugas ini.

## SENARAI ABREVIASI

SINGKATAN	MAKSUD
JKKN	Jabatan Kesenian Dan Kebudayaan Negeri
SUKTRA	Kumpulan Pemuzik dan Penari Tetap Negeri
JPA	Jabatan Perkhidmatan Awam
NGO	Non-Government Organization
PUSPANITA	Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam Malaysia
PJK	Pingat Jasa Kebaktian
AMT	Ahli Mahkota Terengganu
PPN	Pingat Pangkuan Negara
SAGA Warisan	Sahabat Gamelan
ASWARA	Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan
PKP	Perintah Kawalan Pergerakan
TUNAS	Kelas Kesenian Negeri Terengganu
COVID	Coronavirus COVID-19
USM	Universiti Sains Malaysia
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
RTM	Radio Televisyen Malaysia

## SENARAI SINGKATAN

NSS: Nur Syazwani Binti Ahmad Suhaimi

CWS: Che Wan Solihah Binti Che Wan Noh

WSS: Wan Salmah Binti Wan Sulaiman



## RUJUKAN KATA

Ambik	Ambil
Diorang	Mereka
Jugak	Juga
Takde	Tiada
Takdok	Tiada
Banyok	Banyak
Pon	Pun
Pong	Pun
Nin, Ning	Ini
Dimintak	Diminta
Kot	Mungkin ada
Kan	Bersetuju
Haa	Ya
Hor	Ya
Aha	Ya, Bersetuju
Eh	Ya
Ye	Ya
Gambor	Gambar
Dok	Tidak
Dak-dak	Tak-tak
Saloh	Salah satu
Kedian	Sekarang
Pon	Pun
Doh	Dah
Dengor	Dengar
Mengajor	Mengajar-
Bawok	Bawa, menyanyikan
Tak pah	Tidak sampai
Aje	Sahaja
Ape	Apa

Bagitahu	Beritahu
Dialung	Dialun
Galok	Terlalu Suka
Gini-Gini	Seperti Ini
Hok	Yang
Kang	Kan
Kejap	Sekejap
Ke	Ka
Kut-Kut	Mungkin
Lah	Adalah
Loni	Sekarang
Lupe	Lupa
Makne	Makna
Ni	Ini
Paham	Faham
Perenyukkan	Hanyut
Rase	Rasa
Sahaje	Sahaja
Sape	Siapa
Se	Satu
Sebenarnya	Sebenarnya
Seterusnye	Seterusnya
Takpe	Tidak Mengapa
Tu	Itu
Nu	Itu
Kolek	Sampan Kecil

# BIODATA PENEMUBUAL

## 1.0 Biodata Penemubual

### 1.1 Penemubual Pertama



Nama:	Nur Syazwani Bt Ahmad Suhaimi
Tarikh Lahir:	6 Mac 1999
Tempat Lahir:	Hospital Parit Buntar, Perak
Alamat:	NO.23 Jalan Tuna, Taman Sri Tenggara, 3400 Parit Buntar, Perak.
Nombor Telefon:	019-5279907
Emel:	nsyazwanisuhaimi@gmail.com
Program:	Pengurusan Rekod (IM246)

## 1.2 Penemubual Kedua



Nama:	Che Wan Solihah Binti Che Wan Noh
Tarikh Lahir:	14 Mei 1999
Tempat Lahir:	Hospital Sultanah Nur Zahirah, HSNZ
Alamat:	103 Tanah Lot Kg Chepoh Kuala Telemong 21210 Kuala Terengganu
Nombor Telefon:	019-3197675
Emel:	solihahchewan@gmail.com
Program:	Pengurusan Rekod (IM246)

# BIODATA TOKOH

## 2.0 Biodata Tokoh

### 2.1 Biodata Tokoh

Nama yang diberi ialah Wan Salmah Binti Wan Sulaiman ataupun lebih mesra dipanggil sebagai mami. Beliau berumur 77 tahun dan dilahirkan pada 16 September 1944 di Kampung Tiong, Kuala Terengganu. Beliau merupakan anak kedua daripada dua belas orang adik beradik tetapi kini yang tinggal hanya enam orang. Ibunya yang bernama Dayang Binti Ali digelar sebagai 'Cik' manakala ayahnya pula bernama Wan Sulaiman Bin Long turut digelar sebagai 'Bak'. Beliau telah berkahwin dan kini menjadi seorang balu dan arwah suami beliau iaitu yang bernama Shamsuddin Bin Din. Beliau mempunyai tujuh orang anak kesemua sekali tetapi kini yang tinggal adalah enam orang kerana anak sulung beliau telah kembali ke rahmatullah. Beliau juga mempunyai sembilan belas orang cucu dan dua orang cicit.

Beliau merupakan penyanyi asal untuk lagu tradisional ulek mayang pada tahun 1960-an dan merupakan penyanyi terkenal di negeri Terengganu yang bergiat aktif dalam bidang seni sebagai penari gamelan, bidang seni suara, bidang seni lakonan, syair dan puisi. Beliau bersekolah di Sekolah Kebangsaan Bukit Jambul dari darjah satu hingga darjah empat dan menduduki peperiksaan Special Malay Class. Beliau telah lulus peperiksaan di Sekolah Kebangsaan Bukit Jambul untuk memasuki ke Sultan Sulaiman Primary School Special Malay Class One hingga darjah enam. Kemudian, beliau menyambung pelajaran ke Sekolah Sultan Sulaiman Secondary School dari tingkatan satu hingga tingkatan lima. Akhirnya, beliau mendapat kelulusan iaitu Senior Cambridge ataupun lebih dikenali sebagai Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM).

Selepas tamat persekolahan, beliau pernah bertugas menjadi anggota kerajaan dimana pada 1 Mac 1982, beliau telah dinaikkan pangkat selepas bertugas sebagai kerani pendidikan di Sekolah Kebangsaan Tengku Maryam dan menjadi kerani Kanan Pendidikan dan ditempatkan di Jabatan

Pendidikan Negeri Terengganu. Pada 1 Julai 1993, beliau ditempatkan di bahagian Latihan Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia Kuala Lumpur setelah lulus peperiksaan khas dengan memohon jawatan sebagai Penolong Pegawai Tadbir. Akhirnya, beliau bertukar balik ke negeri Terengganu setelah pertukaran diluluskan pada 1 Januari 1995 dan ditempatkan di Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu sehingga beliau bersara pada 16 September 1999.

## 2.2 Pengenalan Kepada Tokoh

Puan Wan Salmah Binti Wan Sulaiman mula terlibat dengan seni dan kebudayaan ulek mayang sejak beliau berada di peringkat sekolah rendah iaitu Sekolah Kebangsaan Bukit Jambul. Kegiatan seni beliau mula berkembang apabila beliau memasuki ke Sekolah Menengah Sultan Sulaiman, Kuala Terengganu dengan mengajar rakannya yang lain untuk melakukan persembahan aktiviti sekolah. Setelah tamat di alam persekolahan, bakat yang beliau miliki terus berkembang dengan menceburkan diri ke Persatuan Belia Darul Ehsan di Kuala Terengganu pada tahun 1960-an.

Persatuan Belia Darul Ehsan adalah persatuan yang sangat aktif dalam bidang kesenian dan kebudayaan di negeri Terengganu kerana persatuan ini telah banyak memenangi pertandingan sehingga mewakili bagi negeri Terengganu serta mewakili negeri Terengganu sehingga ke peringkat kebangsaan. Mereka meluaskan lagi bakat yang ada dengan membuat persembahan kebudayaan termasuk nyanyian, sketsa dan juga tarian contohnya seperti persembahan wayang kulit, rodak, makyong, dan ulek mayang. Persembahan ini banyak dilakukan untuk jamuan di kediaman Menteri Besar, jamuan-jamuan malam, malam anugerah pingat-pingat kebesaran dan darjah-darjah di istana.

Tarian dan nyanyian ulek mayang ini telah diajar oleh arwah Tuan Haji Mazlan Bin Embong kerana beliau merupakan orang pertama yang



mencipta lagu ulek mayang seperti mana yang kita dengar sekarang. Sejak bermulanya persembahan ulek mayang yang dipersembahkan kepada tontonan ramai, arwah Tuan Haji Mazlan Bin Embong mula mencipta tarian ulek mayang yang hanya berpandukan kepada jalan cerita asal ulek mayang pada zaman dahulu. Tarian ulek mayang ini diajar kerana dapat dijadikan sebagai sebuah drama tari dengan mempersembahkan kepada tontonan ramai.

Puan Wan Salmah Binti Wan Sulaiman belajar menari dan menyanyi melalui Persatuan Belia Darul Ehsan dan apabila beliau menari, saudari Fatimah Binti Omar yang juga merupakan ahli Persatuan Belia Darul Ehsan akan menyanyikan lagu ulek mayang. Mereka pernah membuat rakaman di Radio Television Malaysia (RTM) dan kebiasaannya mereka akan merakam lagu terlebih dahulu setelah itu rakaman tersebut akan dimainkan. Perkara ini telah membuktikan bahawa Puan Wan Salmah Binti Wan Sulaiman merupakan orang pertama yang merakamkan lagu ulek mayang di radio Terengganu pada awal 70-an dan beliau juga merupakan orang pertama yang merakamkan lagu ulek mayang di album Senandung, Terengganu iaitu keluaran pejabat setiausaha kerajaan Terengganu.

# SEJARAH LISAN

### 3.0 Sejarah Lisan

#### 3.1 Pengenalan

Sejarah lisan merupakan salah satu kaedah yang berkesan dilakukan untuk menemu bual individu yang bergelar sebagai tokoh. Tokoh yang digelar ini kebiasaannya telah dipilih kerana mereka mempunyai maklumat bersejarah sepanjang penglibatan dan pengalaman mereka secara langsung atau tidak langsung. Mereka juga telah banyak menyumbang jasa dan setiap maklumat bersejarah yang diperoleh daripada tokoh akan dirakam, disalin dan disimpan dengan baik supaya maklumat bersejarah dapat dijaga dengan baik dan tidak mudah dilupakan oleh generasi akan datang. Maklumat ini juga boleh dijadikan sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran di antara guru dan pelajar kerana ia merupakan bukti yang wujud dan jelas untuk ditunjukkan di dalam kelas.

#### 3.2 Objektif Sejarah Lisan

Tujuan sejarah lisan ini dilakukan adalah untuk membantu penemubual untuk membuat persediaan dalam menemubual tokoh dan melancarkan dengan merakamkan setiap perbualan di antara tokoh dan penemubual. Selain itu, dapat menghasilkan rakaman yang baik dan bermutu tinggi dalam menyimpan rakaman yang mengandungi maklumat bersejarah daripada tokoh. Seterusnya, objektif sejarah lisan ini juga dapat merungkai seni kebudayaan ulek mayang melalui sejarah lisan yang mengandungi sejarah ulek mayang tentang asal-usul sebenar daripada zaman dahulu kala dan penglibatan tokoh sepanjang berkecimpung dalam seni dan kebudayaan ulek mayang agar dapat dijadikan rujukan pada masa akan datang kerana sejarah ini mempunyai nilai dan kepentingan yang tersendiri.

#### 3.3 Kepentingan Sejarah Lisan

Sejarah lisan mempunyai beberapa kepentingan dan antaranya ialah dapat membangkitkan peristiwa sejarah yang berlaku pada zaman dahulu terutamanya peristiwa penting yang berlaku di dalam sejarah Malaysia.

Selain itu, menurut (Universiti Kebangsaan Malaysia,2007) sejarah lisan juga dapat meningkatkan kualiti penulisan sejarah di Malaysia supaya nilai sesuatu sejarah itu dapat dikekalkan dan lebih dihargai untuk generasi pada masa hadapan Seterusnya, menurut (R. A. Hassan, 2004) ianya dapat memberikan gambaran yang jelas dan lengkap untuk mengetahui keadaan sejarah tersebut contohnya sebelum kedatangan dan selepas kemerdekaan berlaku serta masyarakat dapat merakam sumber sejarah di mana detik peristiwa itu berlaku kerana sangat berharga untuk dimiliki agar dapat mengelakkan daripada kepupusan atau sumber sejarah yang semakin berkurangan di negara ini.

# KAJIAN LITERATUR

## 4.0 Kajian Literatur

### 4.1 Topik 1: Warisan Seni Budaya

Warisan Seni Budaya adalah satu daya tarikan yang utama di negara kita. Tanpa seni kebudayaan, tiada lah identiti negara Malaysia sebagai negara yang mempunyai pelbagai nilai sejarah kebudayaan, nilai akhlak dan bersopan santun. Dengan adanya seni kebudayaan ini, kita dapat mempromosikan lagi warisan ini ke peringkat antarabangsa contohnya, di negara-negara ASEAN. Seni kebudayaan nyanyian dan tarian dapat memberikan bentuk irama yang indah dan menyenangkan bagi sesiapa sahaja yang mendengarnya. Tambahan lagi, selalunya kebudayaan seni tari dan nyanyian kebudayaan banyak dipersembahkan di istana-istana untuk acara formal kerana lebih beradab untuk dipertontonkan di hadapan kerabat diraja. Justeru itu warisan budaya mempunyai akta nya tersendiri yang menunjukkan betapa pentingnya masyarakat di Malaysia menjaga warisan seni kebudayaan yang terdapat di dalam negara kita. Menurut (Yusoff et al., 2010) Akta Warisan Kebangsaan 2005 wujud selepas Akta undang-undang mengenai warisan budaya tidak berkesan dan terdapat beberapa masalah dari segi bidang kuasa dan pertindihan kuasa dengan kerajaan negeri.

Budaya didefinisikan sebagai perkara-perkara berkaitan dengan budi dan akal. Istilah budi membawa maksud asli, pertama, sejati dan dipandang sempurna manakala daya pula dimaksudkan sebagai akal, jalan fikiran dan ciptaan (Rohana Yusof, 2010). Menurut (Abdul Latif, 1987) pula, istilah budaya merupakan sesuatu yang sukar untuk ditafsirkan dan ianya mempunyai pengertian yang luas, jelas menunjukkan terminologi budaya mempunyai pelbagai pengertian dan tafsiran berbeza dalam kalangan para sarjana. Di samping itu juga, menurut (Khairiah Mohd. Yassin, 2014), beliau mendefinisikan budaya sebagai cara hidup manusia yang merangkumi elemen ritual, jasmani dan intelek. Namun begitu menurut (R Seiva Subramaniam, 2015), Budaya meliputi adat istiadat, seni, hukum,

moral, dan lain-lain kemahiran yang diperolehi oleh seseorang manusia dalam sesebuah masyarakat. Definisi ini turut dikaitkan dengan kepentingan seni budaya.

Kepentingan warisan seni budaya ialah ianya adalah satu identiti bangsa dan maruah negara kerana berkait rapat dengan kehidupan dan perwatakan masyarakatnya (Dan et al., 2018). Selain itu, (Mohamad Zain Musa & Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman, 2010) mengatakan warisan budaya dan warisan hidup ini dapat memberi manfaat dalam memajukan ekonomi rakyatnya dan bangsanya. Namun begitu, menurut (Dan, 2014) kepentingan budaya menjadikan pengaturan agar manusia dapat memahami cara bertindak, dan menentukan sikap mereka ketika berhadapan dengan orang lain. Selain itu juga, menurut (Melayu, 2011), warisan seni budaya boleh diterjemahkan atau didefinisikan sebagai benda yang boleh diturun-temurunkan kepada generasi akan datang dengan nilai tambah sendiri. Akan tetapi kepentingan seni budaya ini turut disertakan dengan keburukan atau masalahnya.

Keburukan atau masalah seni budaya menurut (Wak Wan Yusof, 2006), seni persembahan Melayu tradisional umumnya, tidak mampu muncul sebagai industri budaya yang Berjaya. Selain itu, menurut (Basri et al., 2019) selain liberalisma, hedonisma juga adalah fahaman Barat yang menjadi cabaran kepada budaya Melayu. Namun begitu, menurut (Burton, 2008), budaya popular merupakan ungkapan kekuatan dominasi dan kekuatan autonomi masyarakat. Di samping itu juga, menurut, (Melayu, 2011), walaupun akta mengenai warisan seni budaya sudah wujud namun terdapat beberapa kelemahan tersendiri kerana akta-akta itu tidak merangkumi kesemua seksyen atau peraturan yang dapat melindungi, memulihara, memelihara dan mengekalkan warisan dan budaya itu. Menurut, (Kahn et al., 2011), apabila menyentuh sahaja mengenai seni budaya, pastinya akan timbul persoalan mengenai agama islam dengan mempersoalkan adakah islam mengharamkan kesenian dan kebudayaan secara keseluruhan.

Kesimpulannya, seni warisan dan kebudayaan boleh menjadi antara formula kejayaan negara pada masa sekarang dan hadapan. Maka melalui kesedaran ini, kita hendaklah sentiasa memupuk kesedaran generasi sekarang supaya menghargai nilai perpaduan serta berusaha untuk memelihara dan memperelokkannya. Menurut (Kahn et al., 2011) perpaduan satu bangsa Melayu Islam melalui seni warisan dan budaya bukan sahaja mampu untuk menyatupadukan sesuatu kaum sahaja malah 16 kesenian dan kebudayaan adalah satu bidang yang profesional yang dapat menyumbang ke arah menjana pendapatan negara sekiranya kita bersungguh-sungguh memperjuangkan melalui kesenian dan kebudayaan bangsa kita sendiri. Di samping itu juga, warisan seni budaya ini mempunyai nilai yang tersendiri dan memberi cerminan jati diri kepada bangsa, agama dan negara kita di samping menjadi lambing kepada pengamalannya dan juga masyarakat. Hal ini adalah kerana negara-negara ASEAN telah mulai menyedari kepentingan dan keistimewaan menjaga warisan budaya dengan menpatenkan seni budaya mereka.

#### 4.2 Topik 2: Ulek Mayang

Ulek mayang adalah sejenis tarian kebudayaan terkenal daripada negeri Terengganu. Nyanyian dan tarian ulek mayang ini sering dipersembahkan apabila terdapat majlis-majlis kebudayaan ataupun jemputan persembahan daripada organisasi-organisasi luar. Walaupun ulek mayang ini sering dikatakan mempunyai elemen mistik, namun ia adalah satu tradisi dan kebanggaan bagi masyarakat dan kerajaan Terengganu. Ulek mayang ini juga dipersembahkan dengan nyanyian, tarian dan alunan alat muzik tradisional. Biasanya, nyanyian ulek mayang ini dinyanyikan dengan alunan muzik gamelan kerana lebih sesuai. Penari-penari ulek mayang seramai tujuh orang akan memakai kostum yang menarik dan menampakkan unsur-unsur tradisional. Bagi penyanyi lagu ulek mayang pula, mereka akan menyanyikan setiap bait-bait lirik yang mengisahkan tujuh orang puteri yang cantik dengan alunan dan lontaran suara mereka sendiri. Lagu tradisional ulek mayang ini pastinya akan melekat di minda dan fikiran si



pendengar kerana alunannya yang merdu. Justeru itu, seni warisan ulek mayang ini perlu selalu dipersembahkan agar tidak lapuk dek zaman.

Menurut (N. A. B. Hassan & Hanafiah, 2020) definisi 'ulik' dalam persembahan Ulik Mayang adalah sebagai sesuatu yang mempunyai perkaitan dengan maksud ritual kerana melibatkan hubungan dengan bomoh, jampi dan mantera. Selain itu, mengikut Aripin Said (1984) mengulit dalam tarian Ulik Mayang beerti 'menyanyi'. Namun begitu, Mubin Sheppard (1983), telah memberi definisi 'ulek' dalam tarian Ulik Mayang sebagai salah satu tarian tradisi masyarakat tempatan di Terengganu, yang bererti 'lulling a person to sleep'. Definisi ini turut dikaitkan dengan kepentingan ulek mayang.

Menurut A Halim, Mazdi & Ahmad Nizam (2014) ulek mayang merupakan lokal genius iaitu suatu produk kepintaran anak tempatan yang sangat tinggi nilai keindahannya. Selain itu, menurut Siti Mardhiah (2015), pada zaman sekarang ulek Mayang dijadikan sebagai seni persembahan Melayu yang boleh dianggap seni teater muzikal kerana di dalamnya terdapat perbagai seni persembahan seperti pantun yang dilagukan, tarian mengikut lagu dan irama, serta dilakonkan oleh watak-watak tujuh orang puteri, watak pawang atau bomoh dan pesakit.

Selain itu, menurut (Arshad, 2020) yang dipetik dalam artikel:

“Tarian seni kebudayaan ulek mayang ini mempunyai banyak kepentingan dan manfaat kepada masyarakat. Salah satunya adalah tarian ini mempunyai identiti dan keunikan yang tersendiri daripada segi gaya penghayatan, gaya gerakan dan daya kreativiti yang ditunjukkan melalui tarian ulek mayang kerana tarian ini juga mempunyai mesej yang boleh dilihat dari sudut positif kepada masyarakat. Tarian ulek mayang juga mempunyai nilai di mana ia mencerminkan kekayaan warisan bangsa itu sendiri contohnya tarian ini sangat terkenal di kawasan Pantai Timur iaitu Kuala Terengganu sehingga hari ini dan sentiasa menjadi sebutan orang

ramai. Seterusnya, kepentingan tarian ini juga mempunyai koreografi tarian yang menarik dan teratur kerana mampu menarik perhatian masyarakat untuk ditonton. Bakat, minat dan kemahiran juga perlu ada dalam menghayati tarian ini supaya dapat memberi komitmen yang tinggi dan kerjasama yang baik ketika menjalani latihan untuk tarian ulek mayang ini. Tarian ulek mayang dapat ditunjukkan kepada masyarakat kerana ia menunjukkan tarian yang kreatif, harmoni dan berdisiplin seiring dengan alunan muzik yang dinyanyikan untuk ulek mayang. Di samping itu, tarian ini mempunyai kelebihan dalam menjadikan gaya hidup sihat sebagai satu senaman yang membantu untuk mencergaskan dan menyihatkan tubuh badan seseorang. Perkara ini berlaku apabila masyarakat mula mengubah suai jenis tarian, konsep dan muzik kepada tarian yang lebih menarik agar dapat meraih perhatian pelbagai lapisan masyarakat di negara ini. Sebagai contoh, kita boleh mengambil peluang ini untuk mengadakan program yang berkaitan dengan kecergasan tubuh badan untuk membuat persembahan dengan melakukan pelbagai gerakan tarian oleh individu, agensi, institusi atau kelab dan persatuan serta program seperti ini dapat meluaskan lagi pengetahuan tentang ulek mayang kepada masyarakat di luar sana.”

Namun begitu, kepentingan ini turut disertakan dengan kelemahan.

Kelemahan seni kebudayaan ulek mayang menurut Mazarul Hassan, Norazimah Zakaria & Abdul Halim (2017) nilai magis sebuah mantra akan lahir dari segi gaya pengucapan dan pilihan kata yang dapat menghubungkan alam zahir dengan alam ghaib seperti persembahan Ulek Mayang.

Kesimpulannya, untuk memastikan warisan seni budaya ulek mayang tidak dilupakan oleh generasi sekarang, pihak yang bertanggungjawab mestilah bertungkus lumus mengadakan pelbagai usaha untuk memelihara warisan seni budaya ulek mayang ini. Hal ini adalah kerana, jika tiada usaha yang

dilakukan oleh pihak yang bertanggungjawab, nescaya warisan seni budaya ulek mayang ini pasti akan dilupakan bukan sahaja generasi sekarang malah generasi akan datang juga kerana kurangnya pendedahan dan maklumat mengenai ulek mayang.

**TRANSKRIP  
TEMUBUAL  
BERSAMA TOKOH**

## 5.0 Transkrip Temubual Bersama Tokoh

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut adalah temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman seorang tokoh dalam bidang seni dan kebudayaan. Bersama-sama kami ialah Puan Wan Salmah Binti Wan Sulaiman yang merupakan penggiat seni di negeri Terengganu, Malaysia. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 23 Mei 2021 bersamaan pada hari Ahad pada pukul 10.09 pagi secara atas talian iaitu 'Google Meet'. Temubual ini dikendalikan oleh Nur Syazwani Binti Ahmad Suhaimi dan Che Wan Solihah Binti Che Wan Noh. Dengan segala hormatnya temubual dimulakan.**

**CWS: Mula sekali, kami akan *start* [mula] dengan soalan orientasi. *First* [pertama] sekali, saya nak tanya, apakah nama penuh mami?**

WSS: Nama saya Wan Salmah Binti Wan Sulaiman.

**CWS: Mami?**

WSS: Ye ye. Nama saya Wan Salmah,

**CWS: Nama panggilan mami yang biasa orang panggil mami?**

WSS: Ye, saya juga di lebih dikenali atau lebih mesra dengan panggilan mami.

**CWS: *Okay*[baik], berapakah umur mami sekarang?**

WSS: Tujuh puluh tujuh [77] tahun.

**CWS: Tujuh puluh tujuh [77] tahun. Kiranya tarikh lahir mami bila?**

WSS: Enam belas [16] September 1944.

**CWS: Di manakah mami dilahirkan?**

WSS: Kampung Tiong, Kuala Terengganu.

**CWS: Seterusnya, alamat terkini tempat mami? Tempat tinggal mami?**

WSS: 3373 Kg Mengabang Tengah, Batu Burok,  
Kuala Terengganu.

**CWS: Apakah status perkahwinan mami?**

WSS: ye?

**CWS: Status perkahwinan mami?**

WSS: Mami dah berkahwin dan sekarang ni seorang balu.  
(mengangguk kepala)

**CWS: Boleh saya tahu nama arwah suami mami?**

WSS: Shamsuddin Bin Din.

CWS: *Okay* [baik], untuk seterusnya saya akan bagi dekat Nur Syazwani.

NSS: *Okay* [baik] mami, untuk soalan seterusnya mengenai keluarga tokoh. Maksudnya untuk soalan keluarga mami lah. *Okay* [baik], untuk yang *first [pertama]*, berapakah bilangan anak yang mami ada sekarang?

WSS: Anak sekarang ada enam [6], semua sekali tujuh [7] tapi yang sulung mami tu telah kembali ke *rahmatullah* [meninggal dunia] pada tiga belas [13] Februari 2008 ketika berusia empat puluh empat tahun [44] tahun.

NSS: Untuk bilangan cucu, mami ada berapa sekarang?

WSWS: Sekarang ade sembilas belas [19] orang cucu dan dua [2] orang cicit.

NSS: Nama penuh ibu mami?

WSWS: Dayang Binti Ali.

NSS: Nama penuh untuk bapa mami?

WSS: Wan Sulaiman Binti Wan Long.

NSS: Untuk bilangan adik – beradik, berapa yang, bilangan adik – beradik yang mami ada?

WSS: Semua sekali dua belas [12], sekarang ni tinggal enam [6] orang.

**NSS: Dan sekarang mami anak yang ke berapa?**

WSS: Mami anak yang kedua [2], yang tinggal sekarang enam [6] orang, tiga [3] lelaki dan tiga [3] perempuan termasuk mami lah.

**NSS: *Okay* [baik], untuk adik-beradik mami yang lain, adakah mereka juga terlibat dalam seni kebudayaan ulek mayang?**

WSS: Tidak. (menggeleng kepala)

**NSS: *Okay* [baik], seterusnya saya beri pula kepada Che Wan.**

**CWS: Kiranya mami je seorang penyanyi je bukan penari?**

WSS: Ye, mami seorang penyanyi dan penari lah, bukan sahaje ulek mayang lah, Mami juge merupakan seorang penyanyi dan penari gamelan dan juge tarian-tarian rakyat, menyanyi dan penari tarian-tarian rakyat Terengganu dan juge semua tarian-tarian lain lah. Maksud mami, tarian tradisional kita lah, tarian melayu kita.

**CWS: *Okay* [baik], mami. Seterusnya, saya akan tanya pasal tahap pendidikan mami.**

WSS: Mami, Mami,



**CWS: Apakah tahap Pendidikan mami?**

WSS: Ye?

**CWS: Tahap Pendidikan mami?**

WSS: Mami, kelulusan mami *Senior Cambridge*, kalau sekarang ni SPM (Sijil Peperiksaan Malaysia) lah ye, tapi dulu masa mami sekolah tu semuanya pengantar bahasa inggeris dan nama peperiksaan tu pun *Senior Cambridge*.

**CWS: Boleh saya tahu nama sekolah rendah mami?**

WSS: Mami mula bersekolah rendah di Sekolah Kebangsaan Bukit Jambul dari darjah satu sampai darjah empat di mana semasa dalam darjah empat tu, mami, kita murid-murid tahun tiga dan tahun empat di perlu menduduki satu peperiksaan iaitu peperiksaan *Special Malay Class*, di mana kalau kita lulus, kita akan dapat masuk ke sekolah *primary school*, dengan peperiksaan itu bila kita lulus, kita akan dapat masuk *Special Malay Class One*, *Special Malay Class Two* sampai ke *standard six* dan dia [sic, mami] lulus masa di periksa di darjah empat di Sekolah Kebangsaan Bukit Jambul dan dapat masuk ke [sic, Sultan Sulaiman *Primary School*] dari *Special Malay Class One* sampai ke *standard six*.

**CWS: Kiranya sekolah menengah tu dekat Sultan Sulaiman tu la?**

WSS: Dari [sic, lepas] Sultan Sulaiman *Primary School*, ketika darjah enam tu *standard six*, waktu itu kami juga perlu menduduki satu peperiksaan di mana kalau kita lulus, kita akan dapat menyambung pelajaran ke tingkatan satu, *form one* di sekolah menengah dan ketika itu mami menyambung pelajaran mami ke *form one*, tingkatan satu di Sekolah Sultan Sulaiman *Secondary School* sehingga ke *form five*, tingkatan lima. Di situ lah, apa tu mami menduduki peperiksaan *Senior Cambridge* tu.

CWS: **Okay [baik], untuk soalan seterusnya saya akan *pass* [memberikan] dekat Nur Syazwani. Nur Syazwani?**

NSS: ***Helo* [menyapa] mami, boleh mami dengar?**

WSS: Boleh-boleh.

NSS: ***Okay* [baik] baik, untuk soalan seterusnya, *okay* [baik], kita akan tanya soalan mengenai sejarah ulek mayang *so* [jadi] untuk kali ni kami nak betul-betul tahu pasal sejarah ulek mayang lah. *Okay* [baik]-**

WSS: Nanti kejam ye, sebelum tu adakah dalam projek ni ingin tahu tempat-tempat mami bertugas? Mami pernah bertugas sebagai pegawai kerajaan la, anggota kerajaan.

CWS: **Boleh je mami.**

WSS: Ye, jadi nampak nya tak de tak ditanya, sama ade tak perlu ataupun terlupa nak tanya ke macam mana? Kalau tak perlu tahu pun takpe, kita boleh *proceed* [meneruskan] la.

NSS: **Boleh mami, mami boleh cerita pasal diri mami dan ulek mayang.**

CWS: **Boleh je mami.**

WSS: Ye, itulah kebiasaannya semua ni orang nak tahu jugaklah kan?

NSS: **Betul-betul.**

WSS: Ia merupakan latar belakang mami,

CWS: **Betul mami.**

WSS: *Okay* [baik], mami mula bertugas sebagai kerani pendidikan di sekolah mulai 24 Januari 1963 di Sekolah Kebangsaan Tengku Maryam. Mulai 1 Februari 1975, mami bertukar ke Sekolah Rendah Sultan Sulaiman II dan mulai 1 Mac 1982, mami dinaikkan pangkat ke kerani Kanan Pendidikan dan ditempatkan di Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu. Semasa mami dalam jawatan kerani kanan tu, kita dibolehkan menduduki satu peperiksaan khas untuk memasuki skim kumpulan b. Ye, dia terbuka untuk kerani-kerani kanan sahaja, apabile kita lulus peperiksaan itu walaupun kita tidak mempunyai Sijil Tinggi Pelajaran ataupun tidak ada diploma tapi kita layak memohon jawatan untuk kumpulan b. Apabila mami lulus peperiksaan khas itu, mami telah memohon jawatan sebagai

Penolong Pegawai Tadbir dan mami dapat jawatan itu dan ditempatkan di bahagian Latihan Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia Kuala Lumpur pada 1 Julai 1993 dan mami memohon balik ke Terengganu dan di apa permohonan pertukaran mami diluluskan dan mami mula bertukar balik ke Terengganu pada 1 Januari 1995 dan ditempatkan di Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu sehingga mami bersara pada 16 September 1999.

**NSS: Baik mami, saya faham. Terima kasih mami atas penerangan yang panjang dan sangat berinformasi lah untuk kami.**

WSS: (mengangguk kepala)

**NSS: Senang nanti kami nak buat *assignment* [tugasan] *So* [jadi], kita pergi pula kepada soalan yang mengenai sejarah ulek mayang. Jadi, mami boleh cerita segala-galanya tentang sejarah ulek mayang.**

WSS: Sebelum mami mulakan penceritaan ini, mami ingin menegaskan di sini bahawasanya apa yang mami ceritakan ini adalah melalui pengalaman mami dan penglibatan mami sebagai seorang penyanyi dan penari ulek mayang ye. Mami bukan seorang ahli *academician* [ahli akademi] yang membuat sebarang *research* [penyelidikan] tentang ulek mayang ini. Apa yang mami ceritakan ini semata-mata atas penglibatan, pengalaman mami sebagai penari dan penyanyi ulek mayang sahaja. *Okay* [baik] ke kalau macam tu?

**CWS: Betul mami.**

WSS: Ye, *okay* [baik]

**NSS: Boleh-boleh mami.**

**CWS: Penglibatan mami dalam ulek mayang tu memang kami nak gunakan, kami nak tahu.**

WSS: Ye.

**CWS: Dah lama berkecimpung dalam ulek mayang ni kan.**

WSS: Ye-- sebab tu mami perlu bagitahu lebih awal kan, (mengangguk kepala) sebenarnya. ye? Boleh mami teruskan?

**NSS: Boleh mami boleh. (suara gelak)**

WSS: Sebenarnya,

**CWS: Boleh, boleh teruskan.**

WSS: Sebenarnya, ulek mayang ni kalau ikutkan yang asalnya, ye ulek mayang yang asalnya, dia bukanlah seperti apa yang kita lihat dan dengar sekarang ini ye. Pada asalnya, mungkin-mungkin ratusan tahun dahulu atau puluhan tahun dahulu merupakan jampi mentera yang digunakan oleh bomoh untuk berubat orang yang sakit, *okay* [baik]? Jadi, dia bukan seperti yang yang ada sekarang ini. Dia hanya jampi mentera ye, yang digunakan oleh bomoh untuk berubat orang sakit. Jadi, irama lagu dia melodi lagu dia tidaklah seperti apa yang kita dengar sekarang ye. Dia hanyalah jampi mentera yang

tidak ada yang tidak ada irama ataupun melodi khusus ye yang kita dengar sekarang. Jadi pada pada akhir sembilan belas enam puluhan [1960an] tu, jadi mami merupakan seorang ahli dalam Persatuan Belia Darul Ehsan Kuala Terengganu dan Persatuan Belia Darul Ehsan ini adalah satu persatuan yang sangat aktif dalam bidang kesenian dan kebudayaan di negeri Terengganu. Kami juga pernah beberapa kali memenangi pertandingan tarian peringkat kebangsaan. Ye dan Persatuan Belia Darul,

**CWS: Bila tu mami?**

WSS: Ye? Ape tu?

**CWS: Bila tu?**

WSS: Ye?

**CWS: Bila dapat anugerah tu? Menang pertandingan tarian di peringkat kebangsaan?**

WSS: Kita-- pernah memenangi pertandingan Darul Ehsan mewakili negeri Terengganu, kita dah menang peringkat negeri dan kita mewakili negeri Terengganu ke peringkat kebangsaan, sebelum adanya Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan pada waktu dulu tu, pertandingan ini dikelola [sic, dianjurkan] oleh Persatuan Kelab-Kelab Belia Malaysia Melayu lah, Tanah Melayu pada ketika itu dan kami pernah menang pada tahun 1961, 1962 ye dan apabila tertubuhnya adanya Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan tu, kami memenangi juga pada tahun 1968 ye. Jadi, dia [sic, Persatuan]

Belia Darul Ehsan juga sentiasa diundang oleh oleh penganjur persembahan-persembahan untuk acara untuk acara-acara persembahan kebudayaan sempena dengan hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu ataupun hari ulang tahun pertabalan Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu. Kebiasaannya, Darul Ehsan (Persatuan Belia Darul Ehsan) akan diundang untuk membuat persembahan di jamuan-jamuan teh di kediaman Menteri Besar, di jamuan-jamuan malam malam anugerah pingat-pingat kebesaran, darjah-darjah kebe- [sic, kebesaran] di istana dan juga Darul Ehsan (Persatuan Belia Darul Ehsan) di-diminta juga untuk membuat persembahan malam sempena upacara perayaan tersebut. Jadi, pada satu tahun tu, untuk persembahan malam ada beberapa pentas disediakan oleh pihak penganjur kerajaan negeri lah. Jadi, Darul Ehsan (Persatuan Belia Darul Ehsan) diberi satu malam dan kita persembahkan lah (mengangguk kepala) persembahan kebudayaan termasuk nyanyian, sket-sketsa dan juga tarian. Dan kebetulan antara pentas-pentas tu, ada yang persembahan wayang kulit, ada persembahan rodan, ada persembahan makyong, ada-ada juga pentas, ada persembahan ulek mayang. Tapi pada waktu itu, sebelum terciptanya lagu ulek mayang yang kita dengar sekarang ni, ada satu pentas di mana persembahan permainan ulek mayang ini dipersembahkan. Dia tidak ada tarian, dia hanya menunjukkan cara-cara dimana bomoh tu mengulek mengulek ataupun bermain ulek mayang untuk-untuk-untuk persembahan semata-mata ye, untuk persembahan mata-mata supaya orang tahu macam mana ulek mayang, asal itu di--dimainkan. Jadi, mami dan ahli-ahli dan ahli-ahli dalam Persatuan Belia Darul Ehsan ini, *choreographer* [pereka tari] mami [sic, kelab] persatuan mami, kami berpendapat alangkah baik dan eloknya seandainya ulek mayang itu kita persembahkan untuk tontonan ramai dengan menjadikan ia sebuah-sebuah drama tari. Dari situlah bermulanya persembahan ulek mayang sekarang dimana arwah Tuan Haji Mazlan Bin Embong mencipta lagu ulek mayang yang kita dengar sekarang ini dan juga mereka cipta tarian

sebagaimana yang-- walaupun sekarang ni, tarian itu ada kumpulan-kumpulan yang telah mengubah serba sedikit mengikut-- kreativiti *choreographer* [pereka tari] kumpulan masing-masing, tapi kami di kelab Darul Ehsan (Persatuan Belia Darul Ehsan) pada waktu itu, mulai akhir tahun enam puluhan [60an] tu, kiranya kumpulan Darul Ehsan lah yang mula-mula sekali membuat persembahan ulek mayang ni. Jadi, ketika itu mami juga pernah menari tarian ulek mayang ini. Apabila-- mami menari, ada orang lain yang-- perlu menyanyi lah. Kebiasaannya, tarian ulek mayang ini apabila dipersembahkan, iringan tarian itu dibuat secara-- *live* [secara langsung]. Ye, secara *live* [secara langsung]. Tidak *record* [dirakam], dirakamkan lagu terlebih dahulu apabila dia nak menari baru pasang apa tu pasang dia punya rakaman tu, kebiasaannya dia menyanyi *live* [secara langsung]. Jadi apabila kalau mami menari, saudari Fatimah Omar dari kelab Darul Ehsan (Persatuan Belia Darul Ehsan) juga yang akan menyanyi tapi apabila kita buat rakaman di *Radio Television Malaysia (RTM)* dan sebagainya, kebiasaannya kita rakamkan lagu terlebih dahulu, di situ rakaman ini akan dimainkan bila mami menari tu, mami, rakaman itu akan menggunakan, mami akan menyanyi lah untuk rakaman itu dan mami boleh menari jugak lah bila lagu itu telah dirakamkan. Mami juga merupakan orang yang pertama merakamkan lagu ulek mayang ini di radio Terengganu pada awal tujuh puluhan [70an] dan mami juga merupakan orang yang pertama merakamkan lagu ulek mayang ini sebagaimana yang terdapat di-- album *Senandung Terengganu* keluaran pejabat setiausaha kerajaan Terengganu. Selepas itu, barulah ada individu-individu lain, penyanyi-penyanyi lain yang-- apa ni menyanyi lagu itu dan membuat rakaman lagu-lagu itu selepas pada mami lah. Ada apa-apa lagi?

**NSS: Mami, kejam. Okay [baik], okay [baik], mami. Boleh saya tahu berapa lama mami digelar sebagai penyanyi ulek mayang?**



WSS: Mami menyanyi sejak lagu itu dicipta lah, pada akhir, enam puluhan [60an] tu, ye.

NSS: *Okay* [baik]--, kiranya *okay* [baik], untuk kebanyakan yang nyanyian dan tarian ulek mayang dipersembahkan, adakah ia dikaitkan dengan elemen mistik? Mami, apa pendapat mami pasal-pasal itu?

WSS: Sebelum tu, izin-izinkan mami berceritakan sedikit bagaimana Persatuan Belia Darul Ehsan mereka cipta drama tari ulek mayang ini untuk persembahan untuk persembahan umum lah.

NSS: *Okay* [baik], boleh mami.

WSS: Kami di Persatuan Belia Darul Ehsan sebenarnya mereka cipta, lebih tepat sekali arwah Tuan Haji Mazlan Embong lah pada ketika itu berpandu kepada jalan cerita permainan ulek mayang itu sendiri, berpandukan pada cerita cerita yang asal dia lah ye, jadi sebab itulah dalam drama tari ulek mayang itu, kami me [sic,apa] tu menyusun drama tari itu di [sic, ke] beberapa segmen ye. Sebenarnya, sebelum ulek mayang itu boleh dipersembahkan, kalau ikut jalan cerita asalnya per [sic, sebelum] bomoh itu dapat dipanggil untuk berubat orang sakit perlu ada seorang yang sakit, *okay* [baik]? Sebab itulah apabila Persatuan Belia Darul Ehsan me-mereka cipta tarian ini, kita jadikan ia beberapa segmen. Segmen yang pertama, di mana kami memaparkan sekumpulan nelayan yang pergi ke laut untuk menangkap ikan *okay* [baik]? Di mana di situ semasa Darul Ehsan (Persatuan Belia Darul Ehsan), lagu payang akan dimainkan, selepas daripada Darul Ehsan (Persatuan Belia Darul Ehsan) semasa kumpulan SUKTRA (Kumpulan Pemuzik dan Penari Tetap

Terengganu) membuat persembahan ulek mayang, mereka menggunakan lagu kolek-berkolek. Payang dan kolek-berkolek ni merupakan perahu kecil lah, perahu kecil yang digunakan oleh nelayan untuk ke laut. Jadi, segmen pertama itu menunjukkan kumpulan nelayan pergi ke laut. Kenapa kami me-memilih nelayan sebagai apa ni watak-watak dalam-- segmen pertama dalam ulek mayang itu. Memandangkan Terengganu dari Kemaman sampai ke Besut tu adalah di persisiran pantai dan pada zaman dahulu kala, mata pencarian orang-orang Terengganu pada waktu dulu adalah nelayan dan petani. Sebab itulah, kita menggunakan watak nelayan dalam drama tari kita itu. Jadi, kita tak saja-saja mereka apa tu cerita tu sedemikian rupa. Kita ambik kira juga kaitannya dengan cerita asal, kejadian sebenar keadaan di Terengganu pada waktu itu. Jadi, babak segmen yang pertama itu apabila nelayan pergi ke laut datang ribut, taufan, kolek mereka ataupun payang mereka dialung gelombang ye, jadi dipukul ribut taufan dimana mereka terdampar ye, ada yang pengsan dibawa-bawa ke pantai. Masa itulah, seorang bomoh dipanggil untuk mengubat pesakit ni dan dari situ bermulanya tarian ulek mayang. Kalau ikut cerita asalnya, jampi mentera itu memang digunakan oleh bomoh untuk mengubat orang sakit. Kita juga-- apa tu apabila mereka cipta tari itu menggunakan jalan cerita tersebut.

WSS: Semasa bomoh ni berubat orang sakit tu, pandu kepada seni kata lagu tu, memang mereka, memang bomoh ni menggunakan mayang pinang ye, mengulek mayang pinang untuk menyeru ketujuh puteri itu, tapi pada kami persembahan ulek mayang ini adalah untuk tujuan persembahan semata-mata ye, untuk tujuan niat kami adalah untuk tujuan persembahan semata-mata dan tidak ada niat apa ni ataupun percaya kepada perkara-perkara mistik itulah. Ada lagi?

**NSS: Ye mami. Mami, boleh tak saya tahu untuk tarian ulek mayang adakah ia mudah untuk dibelajar?**

WSS: Bagi orang yang penari-penari yang dah ada asas *basic* [asas] menari, dia taklah se-sesusah mana tapi kal- [sic, bagi-bagi] penari baru ataupun yang tidak ada *basic* [asas] langsung tu dia agak susah jugak lah.

**CWS: Berapa lama mami ambil masa nak belajar tari – menari itu semua?**

WSS: Pada kebanyakan penari dalam Darul Ehsan (Persatuan Belia Darul Ehsan) pada waktu itu, semuanya adalah-adalah yang telah yang dah ada *basic* [asas] lah yang dah ada *basic* [asas] menari dan tidak memakan masa yang lama lah untuk belajar tu sebab kita penari Darul Ehsan (Persatuan Belia Darul Ehsan) ni, kita sebagaimana yang mami bagitahu awal tadi memang penari-penari kita ni memang dah apa tu yang dah pernah apa tu menang pertandingan kan. Memang diorang dah ada, kami dah ada *basic* [asas] menari lah.

**NSS: Mami, berapa lama agak-agak untuk tarian ulek mayang (suara bertindan)**

**CWS: Mami ada belajar (suara bertindan)**

WSS: Ye? Apa tu?

**NSS: Takpa, Che Wan boleh teruskan.**

**CWS: Wani boleh bercakap.**

**NSS: Takpa, Che Wan boleh teruskan.**

**CWS: Tak mami, kalau dari segi nyanyian, mami nak menyanyi tu mami kena belajar vokal dulu ke?**

WSS: Pada-pada zaman mami pada waktu tu, dia takde-takde (suara gelak) takde kelas vokal, takda guru-guru vokal kan, jadi mami menyanyi pun pada-

**CWS: Kiranya diri sendiri lah?**

WSS: Menyanyi pun sebab menyanyi ulek mayang itu pun mami dah-dah boleh boleh menyanyi lagu lain kan, apa tu jadi tidak-tidak susah mana lah untuk menyanyi ulek mayang itu cuma kalau nak di-dibandingkan dengan sekarang tu memang lain lah kan sebab kami dulu tak ade sekolah-sekolah apa tu belajar vokal kan, jadi kami hanya pandai-pandai semula jadi begitu aje ye.

**CWS: Kelebihan mami.**

**NSS: *Okay* [baik] mami, kalau untuk tarian ulek mayang macam mana dia dipentaskan? Boleh mami terangkan sedikit?**

WSS: Macam mana? Macam mana?

**NSS: Untuk tarian ulek mayang,**

WSS: Ye.

**NSS: Untuk tarian ulek mayang, bagaimana ia dipentaskan?**

WSS: Bagaimana ia dipentaskan?

**NSS: -- (Suara bertindan)**

WSS: Maksudnya macam mana? Maksudnya macam mana tu?

**CWS: Maksudnya macam, dia kena, dia kena guna alat muzik ke?**

WSS: Sudah-sudah,

**CWS: Kene guna *props* [bahan yang digunakan di atas pentas]?**

WSS: Setiap tarian memang kena ada iringan muzik kan...jadi, kebiasaannya yang dulu-dulu, kebiasaannya alat muzik yang kita gunakan cuma gendang, gong, *accordion* [alat muzik bentuk kotak ditiup dalamnya] yang-yang macam tu je lah pada waktu dulu lah tapi apabila-apabila apa tu masa beredar, masa berlalu dengan adanya alat-- muzik moden ni, (bunyi terganggu) memang alat-alat muzik moden ni digunakan jugak. Jadi untuk seperti apa [sic, mana] yang kita dengar dalam-- apa tu *cd (compact disc)* [cakera padat] senandung Terengganu tu memang digunakan apa tu, peralatan yang ada *sound effect* [kesan bunyi] sebagaimana yang kita dengar dalam lagu tu bunyinya guruh, petir tu kan yang-- apa tu

menunjukkan ombak lah ye. Masa tu dah memang ada menggunakan alat yang-yang ada *sound effect* [kesan bunyi] lah, *accordion* [alat muzik bentuk kotak ditiup dalamnya] ka apa ka, mami tak tahu lah tu tapi memang ada guna lah tapi wak tapi pada mula-mula dulu memang-memang,

**CWS: Sebab-sebab nak nampak lagi *real* [betul].**

WSS: Ye, ye dengan perubahan masa kang, kecanggihan yang ada maknanya benda tu boleh boleh di-- digunakan tapi pada asalnya tak adalah benda-benda gitu kan.

**CWS: Ye betul. Seterusnya,**

WSS: Ye.

**CWS: Sekarang ni macam siapa yang mewariskan tarian ulek mayang ni? Maknanya mami ada mengajar ke untuk orang belajar menari? Tarian ulek mayang,**

WSS: Sekarang ni, selepas mami, semasa mami dalam-dalam kumpulan daripada Darul Ehsan (Kumpulan Belia Darul Ehsan),

**CWS: -- (suara bertindan)**

WSS: Ye-- Apa tu semasa daripada Darul Ehsan (Kumpulan Belia Darul Ehsan), kami penari-penari Darul Ehsan (Kumpulan Belia Darul

Ehsan), ni semuanya menganggotai kumpulan SUKTRA (Kumpulan Pemuzik dan Penari Tetap Terengganu), kumpulan SUKTRA (Kumpulan Pemuzik dan Penari Tetap Terengganu) ini kumpulan penari dan pemuzik tetap negeri Terengganu di bawah pejabat setiausaha pejabat kerajaan lah ye. Dia kumpulan SUKTRA (Kumpulan Pemuzik dan Penari Tetap Terengganu) ni ditubuhkan pada 1 April 1974. Jadi ketika itu, semua penari-penari Darul Ehsan (Kumpulan Belia Darul Ehsan) ini menganggotai kumpulan SUKTRA (Kumpulan Pemuzik dan Penari Tetap Terengganu). Jadi, kumpulan SUKTRA (Kumpulan Pemuzik dan Penari Tetap Terengganu) yang meneruskan-meneruskan apa ni persembahan--kesenian dan kebudayaan negeri Terengganu ini termasuklah gamelan dan ulek mayang ye. Apabila-apabila (menggerakkan badan) masa beredar dan ramai penari-penari baru yang menganggotai kumpulan SUKTRA (Kumpulan Pemuzik dan Penari Tetap Terengganu), mami tidak lagi tak lagi tak lagi aktif dalam bidang-bidang tarian dan mami hanya *concentrate* [menumpukan] pada pada nyanyian lah. Dan lepas, selepas mami berhenti tu, mami tidak lagi-- apa aktif lah dalam bidang apa ni tarian ulek mayang ni dan nyanyian sebab ke-kebiasaannya lagu ulek mayang ini dipersembahkan mengiringi tarian ulek mayang ye. Jadi, kalau ada-ada jugak apabila ada satu-satu majlis, mami diminta untuk menyanyi tapi untuk lagu ulek mayang ini, (bunyi gangguan) kalau nak menyanyi tanpa iringan muzik itu agak sukar lah. Kalau nak menyanyi saja untuk serangkap dua bagi memenuhi permintaan orang tu boleh lah. Jadi, sebab itu selepas pada mami bersara tu, mami tak lagi apa tu aktif lah, tak lagi aktif menyanyi dan juga menari lah, menari tu, menari tu memang dulu lagi lah memang mami tak menari dengan adanya penari-penari baru dan mami juga merupakan ahli atau penari yang-- tertua dah dalam *group* [kumpulan] tu sebab mami dah melibatkan diri mami sejak tahun (suara gelak) tahun dalam Darul Ehsan (Kelab Belia Darul Ehsan) tu daripada umur mami empat belas tahun jadi sampai ke SUKTRA (Kumpulan Pemuzik dan Penari Tetap Terengganu) ditubuhkan,

mami waktu itu mami dah kurang sikitlah (mengangguk kepala) apa tu,

**CWS: Aktif.**

WSS: Aktif (membuat pergerakan badan) khususnya ulek mayang lah. Tapi mami tetap aktif dalam bidang gamelan. Mami menari menyanyi gamelan sampai ke akhir penglibatan mami dan mami juga terus menyanyi gamelan sampai sekarang sekiranya ada-ada apa ni ada pihak-pihak ter-tertentu yang apa ni minta mami menyanyi lah untuk sesuatu majlis tertentu. Gamelan je lah, ulek mayang memang dah-dah apa mami berhenti tu.

**NSS: Mami, untuk lagu ulek mayang kan adakah teknik yang digunakan semasa menyanyikan lagu ulek mayang tu dan apa dari seg [sic,segi] lenggokan nada?**

WSS: Lenggokan nada.

**NSS: Teknik yang digunakan?**

WSS: Dia macam ni. Semua orang boleh menyanyi lagu ulek mayang kan, semua orang boleh menyanyi lagu ulek mayang dan cara persembahan itu terpulang pada masing-masing lah ye, lenggok suara, gaya menyanyi tu terpulang pada masing-masing dan dari segi suara pun, suara ni adalah anugerah Allah kepada seseorang ye, jadi mami mungkin bukan orang yang terbaik menyanyikan lagu ulek mayang tapi mami merupakan orang yang pertama menyanyi lagu ulek mayang ye, mungkin orang yang kemudian daripada mami ini adalah



lebih baik daripada mami tapi ada-kalanya orang ada pihak tertentu yang apa ni memohon minta mami jugak yang nyanyi kan. Jadi cara penyampaian itu memang terpulang kepada masing-masinglah, cara masing-masing membawa lagu ni ikut lenggok patah lagu masing-masing lah. Pada mami, memang setiap kali menyanyi lagu ulek mayang ini mami akan (menunduk kepala ke bawah) akan apa tu menyanyi dengan penuh dengan penuh perasaan, (mengangguk kepala dan membuat isyarat tangan) menghayati setiap-setiap lirik dan patah-patah kata lirik lagu berkenaan, mami menjiwai lagu ini untuk memberi-untuk memberi (menunduk kepala ke bawah) apa tu *feel* [perasaan] roh pada lagu ini kepada penari, puteri-puteri dan bomoh tu supaya mereka dapat (bunyi isyarat internet tersangkut) dapat menari dengan baik dengan eloklah. Pada mami, memang setiap kali mami menyanyi tu memang mami akan menyanyi sepenuh jiwa dan raga, (mengangguk dan membuat isyarat tangan) mami akan apa tu menyanyi (menggeleng kepala) sehabis baik mungkin dengan penuh penghayatan dan memang setiap-memang setiap kali (bunyi terganggu) selepas menyanyi tu memang rasa ada lah rasa sikit rasa penat tu kang sebab kita memang menghayati betul-betul lah lagu ni.

**NSS: Berapa lama eh masa yang diambil oleh mami untuk belajar apa ni lagu ulek mayang ni?**

WSS: Mami tak-- pada waktu itu, tak belajar macam mana lah apabila arwah Tuan Haji Mazlan bin Embong tu reka cipta lagu ni, dia pung bagi tahu lagu ni bunyi nya gini-- mami terus ikut lah, tidak ada-tidak ada tak belajar khusus ye taklah kata belajar khusus sampai ke dua tiga bulan apa tu tak lah. Jadi bila dah dengar-dengar dia-dia apa nu *humming* [bersenandung] lagu tu, nyanyi lagu tu, mami pun ikut aje dia lepas tu macam tu je lah, tidak ada- tidak ada latihan khusus lah.

NSS: *Okay [baik] okay [baik] faham. Okay [baik] mami, adakah lirik lagu ulek mayang yang terdahulu sangat berbeza dengan yang sekarang?*

WSS: Kami di-- Darul Ehsan (Kumpulan Belia Darul Ehsan), arwah Tuan Haji Mazlan sendiri pun memang kita ikut betul-betul lirik lagu tu, lirik lagu ulek mayang sebagai sebagaimana yang digunakan oleh bomoh cuma kita [sic, ada] sedikit perubahan. Yang pertama, tidak ada perubahan khusus Cuma jampi mentera yang digunakan oleh bomoh itu terlalu panjang. Ye, ia menyeru puteri demi puteri sorang demi sorang puteri daripada puteri satu iaitu puteri nye se, kata orang Terengganu sampai ke puteri tujuh. Jadi, kalau kami ikut lirik asal tu, persembahan tarian ulek mayang ini akan menjadi terlalu panjang. Ye, akan menjadi terlalu panjang. Kebiasaannya, sebuah drama tari itu ataupun sebuah tarian itu telah dihadkan masa ye jadi kita kalau buat terlalu panjang kadang-kadang ada kalanya membosankan penonton. Jadi, sebab itu lah kita dalam Darul Ehsan (Kumpulan Belia Darul Ehsan) tu di—apa ni dipendekkan lagu itu. Satu lagi kita ada ubah sikit, daripada sepatutnya nasi berwarna tu sepatutnya adalah nasi kunyit orang Terengganu panggil eh. Orang Terengganu cakap nasi kunyit tu macam pulut kuning lah ye, kita orang Terengganu kata nasi kunyit, pulut kuning tu kita panggil nasi kunyit. Kalau memang dari segi perubahan zaman-zaman dulu masa mami budak-budak pung, ada kepercayaan ni bila ada benda-benda yang-- apa tu hantu-hantu apa tu kebiasaannya dia orang apa tu buang apa tu bagi peranyukkan pulut kuning, telur, ayam kan. Kebiasaan dulu-dulu lah satu kepercayaan pada mami tu memang syirik lah rasa nya jadi dan [sic,dalam] drama tari tu dalam lirik ulek mayang asal memang dia ada sebut lah yang-yang apa tu nasi kunyit tu kang pulut kuning tu jadi kami di Darul Ehsan (Kumpulan Belia Darul Ehsan) untuk sesuaikan dengan selera tabung penonton jadi kami tak sebut lah nasi kunyit sebab kebiasaannya orang-orang luar pada Terengganu, dia sebut pulut kuning atau kita nasi kunyit tapi dalam lirik lagu ulek mayang yang mami nyanyi tu dia [sic, kita]

ubah menjadikan nasi berwarna, nasi berwarna hamba sembah kan. Seandainya puluhan tahun dulu, kalau kami rasa patut kekal lirik asal tu nasi kunyit tu, patut kekal ye apa ni perkataan tu mami [sic, kita] orang akan tukar lah. Kita memikirkan kita tukarkan lirik tu dari nasi kunyit kepada nasi berwarna tu kita ingatkan untuk apa tu pada penonton ini paham ye, dengan *term* [istilah] kita gunakan tu.

**NSS: Faham mami. So [jadi], okay [baik] untuk lirik lagu ulek mayang tu ada tak mentera atau jampi yang disebutkan dalam tu?**

WSS: Memang yang pertama lirik rangkap pertama tu, memang dia-dia lirik tu ada menyebut tu untuk menyeru-menyeru apa tu semangat pinang tu ye. Jadi memang dia sebut lah, ‘umbok mayang diumbok umbok dengan jala-jemala, ulek mayang diulek ulek dengan kang, puteri dua gini--. Masa tu masa lirik tu memang-

**CWS: -- (Suara bertindan)**

WSS: Bomoh-- akan-- apa tu memuja semangat pinang tu. Kan, kalau Leha sama Wani pernah menonton tari drama tari ulek mayang tu, dia nampak kan bomoh tu sedang bermain dengan yang mayang tu kan. Lepas tu, last [akhir sekali] tu ku tahu asal usul mu di situ juga merupakan seolah-olah nya macam-macam apa tu menyeru jugak lah ye, ‘ku tahu asal usul mu tu, yang laut balik ke laut, yang darat balik ke darat, nasi berwarna hamba sembahkan’. Maksudnya seandainya pesakit tu jatuh sakit pengsan oleh kerana-- oleh kerana terkena (bunyi gangguan) apa tu terkena sampuk hantu laut, dia minta yang laut balik ke laut, kalau terkena sampuk dari darat kang katakan hantu di darat lah lepas tu mintak balik ke darat. Jadi, sebagai hadiah tu nasi kunyit tadi lah nasi berwarna kami

sembahkan tu, lepas tu yang akhir tu barulah ‘umbok mayang diumbok, umbok dengan jala-jemala, pulih mayang ku pulih’. Pulih tu nak mintak dia pulih balik lah, pulih balik sedia kala ye.

**CWS: Kira sekarang ni takde la mami yang lirik pulang laut ke laut tu?**

WSS: (Sedang berfikir)

**CWS: Jadi, sekarang dia cerita pasal puteri-puteri tu je la mami? Kalau lirik sekarang?**

WSS: Ada, dak pada mami pun tak berapa dengar lagu-lagu orang lain menyanyi. Kalau kut-kut dia ada ubah tu, *Wallahu'alam* [Allah yang Maha Mengetahui] ia mami tak tahu lah. Dia dia tak ada,

**CWS: *Okay* [baik] *okay* [baik] mami.**

WSS: Mami pun tak dengar sangat lah. Mami-mami ingatkan semuanya sama. Mami tak-- perasan pulak lagu nyanyian orang lain tu ada dia ubah. Itu terpulang kepada kepada masing-masing lah tu.

**CWS: Penyanyi?**

WSS: Ye

**NS: Mami**

WSS: Cuma--

NS: **Mami**

WSS: Ye?

NSS: **Takpa-takpa mami teruskan.**

WSS: Cuma yang yang yang mami bawak tu memang *original version* [versi asal] lah. Ye, kan disebutkan di-- ada lagu yang *youtube*,

CWS: -- (suara bertindan)

WSS: Lagu dalam *youtube* ada gambar Terengganu [Malaysia] tu ada dia sebut *original version* [versi asal] Wan Salmah tu memang hok-hok yang-yang mami yang asal lah, lirik asal. Kalau orang lain bawak tu *wallahu'alam* [Allah yang Maha Mengetahui] kut dia tukar dia tukar lirik tu *wallahu'alam* [Allah yang Maha Mengetahui].

NSS: **Mami**

WSS: Ye

CWS: **Teruskan Syazwani.**

NSS: **Che Wan ada nak tanya soalan?**

**CWS: Tak, teruskan.**

**NSS: *Okay* [baik] mami, boleh kami tahu siapa yang menjadi idola mami dalam berkecimpung tarian dan nyanyian ulek mayang ni?**

WSS: Idola? Mami tak tahu sebab mami orang pertama [bunyi isyarat internet terganggu] mami orang pertama yang menyanyi kan,

**CWS: Betul.**

WSS: Sebelum pada mami tu, takde orang yang nyanyi. Mami yang pertama nyanyi dan maksud idola tu kalau tentang ulek mayang sendiri memang tak ada idola lah sebab mami yang-- menyanyi. Maksudnya mami mengagumi orang lain selepas pada mami? Ke macam mana? (dahi berkerut)

**NSS: Faham-faham mami. Che Wan, ada nak tanya soalan seterusnya?**

**CWS: Sekarang dah pukul sebelas [11]. Mami ada nak *break* [berehat] kejam ke?**

WSS: Takpe-- nanti,

**NSS: Kita teruskan ye mami?**

WSS: Boleh-boleh. Nanti mami bagitahu kalau mami letih. Mami lebih suka kita apa teruskan kan.

CWS: *Okay* [baik] *okay* [baik].

NSS: Faham mami faham.

CWS: **Habis. Betul. Seterusnya, saya akan teruskan dengan soalan khusus. Sepanjang mami menyanyikan dan menarikan ulek mayang ni, pernah tak terjadi kejadian-kejadian macam histeria ke macam tu? Sebab kan sekarang kita tengok kalau ada persembahan pasal ulek mayang mesti berkaitan dengan histeria kan, masa mami buat persembahan tu ada tak?**

WSS: Setakat yang mami ingat lah ye, setakat yang mami ingat lah tak pernah pulak ada satu insiden di mana ada berlakunya histeria. Setakat yang mami ingat ye bila buat persembahan ulek mayang walaupun ada cerita mengatakan ada kumpulan-kumpulan lain yang mengalami histeria bila mereka membuat persembahan ulek mayang.

CWS: **Betul.**

WSS: Ye. Walaupun memang semasa menyanyi lagu ulek mayang ni, mengiringi tarian tu walapun mami dah-dah apa ni dah menumpukan sepenuh jiwa raga mami menyanyikan lagu ini untuk memberi semangat kepada penari-penari puteri-puteri dan bomoh ini, dapat menari dapat *perform* [membuat persembahan] dengan baik, memang setakat yang mami ingat tak ada. Kemungkinan selepas apa yang mami ceritakan ini semasa mami dengan *group*

[kumpulan] mami lah ye sama ada dalam SUKTRA (Kumpulan Pemuzik dan Penari Tetap Terengganu) ataupun semasa dalam Darul Ehsan (Kumpulan Belia Darul Ehsan) tapi setakat, tapi selepas mami berhenti tu, kut-kut ada dalam kumpulan SUKTRA (Kumpulan Pemuzik dan Penari Tetap Terengganu) yang membuat persembahan ulek mayang ini ada yang histeria tu *wallahu'alam* [Allah yang Maha Mengetahui] ye tapi semasa mami bersama mereka, setakat yang mami ingat memang tak ada lah, tak ada (Menggeleng kepala) *Wallahu'alam* [Allah yang Maha Mengetahui] tapi bomoh tu pun memang lah letih sebab dia pun memang buat, memang *perform* [membuat persembahan] dengan sehabis baik mungkin, sedaya upaya dengan penuh jiwa raga. Jadi memang dia letih la macam mami jugak selepas menyanyi tu memang rasa letih la tapi tak ada lah sampai histeria. Tapi kalau ada terjadi pun selepas mami tidak lagi bersama kumpulan SUKTRA (Kumpulan Pemuzik dan Penari Tetap Terengganu) tu *wallahu'alam* lah [Allah yang Maha Mengetahui]. Mami tak tahu lah tu tapi dengan kumpulan lain memang buat mami pernah dengar dah ada *group-group* [kumpulan-kumpulan] lain yang penari dia histeria lah. Pada mami sebenarnya,

**CWS: Adakah sebab dia terlalu? Terlalu?**

**WSS: Ye? Taksub?**

**CWS: Ye, kiranya yang terjadi histeria tu sebab dia taksub semasa dia menyanyikan ke macam mane?**

**WSS: Mami, pada mami lah pada mami lah, apa yang mami apa yang mami dapat dapat katakan lah sememangnya lah apabila membuat**



persembahan ulek mayang ni, kita memang tak boleh terlalu terlalu ghairah kan, terlalu ghairah terlalu *excited* [terlalu suka] kan, kalau-kalau orang Terengganu kate tu macam galok (terlalu suka), tahu galok (terlalu suka)? Sape, Leha orang Terengganu ke orang?

**CWS: Terengganu, Terengganu-**

WSS: Galok (terlalu suka) ni makne nye sehingga kita suke terlalu *excited* [terlalu suka] kan, terlalu *excited* [terlalu suka] nak buat menari,

**CWS: -- (suara bertindan)**

WSS: Suke sangat sehingga kita lupa diri ye bukan lupa pasal histeria, lupa tak ingat lagi dah. Yang kita pung walaupun menari kena beringat-beringat jugak kang *especially* [terutamanya] ulek mayang. Kena baca jugaklah, selawat ke *bismillah* [Dengan menyebut nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang] ke apa-apa ke kang, sentiasa mengingat-mengingatn diri kita ni. Sebarang kebarangkalian yang akan terjadi tapi kalau budak-budak zaman-zaman sekarang ni, penari-penari muda-muda ni yang macam tadi lah yang mami cakap tu kang, yang terlalu *excited* [terlalu suka]. Boleh-boleh menari *especially* [terutama] boleh menari ulek mayang ni kang, tahu lah ulek mayang ni satu tarian yang memang orang suka sangat kang, lagi loni [sic, dia] memang orang *excited* [terlalu suka] la, apa ni *excited* (terlalu suka) galok lah makna nya, lupe sehingga lupe bukan lupe histeria, lupe diri lah, lupe diri. Tapi bila-bila kita lupe diri pastu pulak dengan badan kita lemah memang lah hantu syaitan kang dia-dia suke berdamping pada mami lah *wallahu'alam* [Allah yang Maha Mengetahui] Ke [sic, mungkin] pada orang lain pendapatnya berlainan.

**NSS: Mami, kalau lah kisah ini benar, adakah ia akan dibukukan di dalam buku ataupun *journal* [jurnal]?**

WSS: Apa tu?

**NSS: Dalam bentuk-- (suara bertindan)**

WSS: Apa yang benar tu?

**NSS: Kalau benar, adakah ia dikisahkan di dalam mana-mana buku ataupun *journal* [jurnal]?**

WSWS: Apa yang benar nya?

**NSS: Kisah ulek mayang ni.**

-----  
WSS: (mata mami berkelip-kelip)

**CWS: Mami maksudnya, kisah nelayan ni dengan puteri-puteri tu, ada tak macam dia kisahkan dalam buku atau *journal-journal* [jurnal]?**

**NSS: Ye, itu maksud saya.**

WSS: Oh, itu-itu banyak pendapat yang-- apa ni yang-yang berbeza-beza kan. Jadi mami pun-- susah nak katalah kan. Jadi itu [sic, mungkin]

bagi orang yang-- memuat naikkan cerita ni kisah ni dalam *journal* [jurnal] ataupun dalam buku tu-

**CWS: -- (suara bertindan)**

WSS: Mungkin dia orang buat kajian kan, mungkin diorang buat kajian ataupun pergi jumpa ke sape-sape ke yang-yang lame-lame tapi orang yang dulu pun pernah main ulek mayang pung yang bomoh-bomoh tu semua dah takde dah. Semua dah mati dah-semua dah mati dah kang tapi mami pun tak tahu lah kut yang mami pun tak tahu yang mami tahu, Pak Mang [Tuan Haji Mazlan bin Embong] tu memang dah lama dah mati. Kalau ada sekarang pun, mungkin seratus tahun [100] dah kut umur dia. Ye? Apa die?

**CWS: Pak Man tu sape? Nelayan ke?**

WSS: Tok bomoh lah. Bomoh yang main ulek mayang tu lah bomoh, bukan yang main ulek mayang yang menari sekarang ni. Yang berubat orang tu, yang berubat orang menggunakan jampi mentera tu.

**CWS: Dia-**

WSS: Ye?

**CWS: Jadi dia lah yang-**

WSS: Salah seorang tu namanya Pak Man. Pak Man, nama salah sorang tu dah mati lama dah. Mungkin ada lagi di tempat lain tapi rase mami kalau ade pung ke [sic, kalau] tak tahulah ada ke tidak tapi rasanya dah mati semua dah memang kalau ada pung ratus tahun dah umur dia kut. Sembilan puluh [90] lebih ke sebab-sebab apa tu, tak tahu lah mami pun tak tahu. Kemungkinan orang-orang yang memuat naik dalam *journal* [jurnal] ke dalam buku ke apa tu, mungkin dia buat kajian kut. Dia pergi tanye sape-sape-

CWS: -- (suara bertindan)

WSS: Sape-sape pada masa dulu kang, jadi *wallahu'alam* [Allah yang Maha Mengetahui] lah tu mami pun tak-tak pandai nak-nak ape, tak tahu apa nak cakap jugak lah setakat yang mami tahulah

CWS: **Okay mami seterusnya-- apakah macam kelebihan tarian dan nyanyian ni kepada masyarakat di Malaysia terutamanya di Terengganu [Malaysia]. Kelebihan Ulek Mayang ni sendiri.**

WSS: Kelebihan? Kelebihan.. Macam mana nak kata ea.

CWS: **Ya Kelebihan. Kelebihan tarian ni.**

WSS: Setakat yang mami tahu (berfikir) ulek mayang merupakan (gangguan penemubual) (tokoh menunjukkan reaksi cuba untuk mendengar dengan jelas) salah--

CWS: **Macam ianya unik---**

WSS: Setakat yang mami tahu la ulek mayang merupakan salah satu seni warisan Terengganu [Malaysia] yang-- membanggakan negeri Terengganu [Malaysia] yang mengharumkan nama negeri Terengganu [Malaysia] yang menaikkan nama negeri Terengganu [Malaysia]. Bila sebut Ulek Mayang orang kata Terengganu [Malaysia]. Begitu juga dengan gamelan lah. Walaupun rasanya, ada tak tahulah asal dia dari tempat lain tapi pada mami memang tereng-- (SIC Ulek Mayang) memang ulek mayang ni memang asal dari Terengganu [Malaysia] lah. Tapi dia memang satu salah satu seni warisan negeri Terengganu [Malaysia] yang membanggakan negeri maknanya orang suka tengok tarian tu dari situ kalau sebut negeri Terengganu [Malaysia], ulek mayang negeri Terengganu [Malaysia]-- dan jugok gamelan. Memang *famous* [terkenal] di Terengganu [Malaysia]. Walaupun kita ada banyak-- seni warisan negeri Terengganu [Malaysia] di negeri ini terdapat rodan, tarian balai, tarian sabar dan sebagainya di daerah masing-masing lah tapi yang-- *outstanding* [menyerlah] sikit yang *famous* [terkenal]-- sikit tu ulek mayang dengan gamelan lah. (Diam seketika) *So, anything else?* [Jadi, ada apa lagi?]

**CWS: Okay seterusnya, kan ada banyak-banyak tarian tu kan mami, kiranya..**

WSS: Ya.

**CWS: Apakah beza tarian ulek mayang ni dengan tarian macam daripada *famous* [terkenal] daripada negeri-negeri lain?**

WSS: Beza? Dia kalau tarian-tarian dari-- negeri-negeri ni kan, (diam seketika) pada mami, memanglah ulek mayang ni terbaik kan? Tapi setiap negeri dia ada tarian-tarian masing-masing kan? Perlis

[Malaysia] dengan canggung, kot ye lah. Penang [Malaysia] dengan boria kan? Kelantan [Malaysia] dengan asyik, mak yong kan?

CWS: Ya.

WSS: Apa ni dondang Sayang-- Melaka [Malaysia], Pahang [Malaysia] Walinong Sari kan? Setiap negeri tu dia ada tarian kebanggaan negeri dia sendiri. Kalau tanya mami memang la pada mami ulek mayang, gamelan ni memang yang terbaik la pada mami dan baik terbaik-- jugak bagi negeri Terengganu [Malaysia] lah. Tapi setiap negeri dia ada keistimewaan ataupun tarian khusus untuk negeri dia yang-- boleh menaikkan nama negeri negeri masing-masing ya.

CWS: Okay mami sepanjang mami *start* [bermula] daripada SUKTRA (Kumpulan Pemuzik dan Penari Tetap Terengganu) ni macam apakah pencapaian yang mami dapat masa dalam ulek mayang ni? Start daripada kumpulan SUKTRA (Kumpulan Pemuzik dan Penari Tetap Terengganu) semua tu? (gangguan bunyi)

WSS: Daripada Darul Ehsan? *Start* [bermula] daripada Darul Ehsan lah.

CWS: Ha ye Darul Ihsan. Pencapaian yang mami dapat. Kiranya anugerah-anugerah. Boleh mami nyatakan tak?

WSS: Ya sebelum mami boleh bagitahu, sebenarnya anugerah-anugerah yang mami terima ni, mami ni sebenarnya bukan aktif dalam ulek mayang sahaja, mami aktif dalam semua bidang, dalam semua bidang kesenian dan kebudayaan negeri Terengganu [Malaysia]. Mami seorang penari, mami seorang penyanyi, mami jugak

berlakon, dan mami di mana tempat bertugas mami pon mami diminta untuk melatih untuk mengajar menari. Dua tiga tempat mami pergi (gangguan bunyi) walaupun-- mami semasa bertukar di Kuala Lumpur [Malaysia] walaupun mami dah cuba nak menyepikan diri taknak bagi *exposed* [terdedah] lagi dah dalam bidang kesenian ni, tapi ada orang Terengganu [Malaysia] yang bagitahu dekat--ni lah pejabat JPA (Jabatan Perkhidmatan Awam) yang mami ditukarkan tu bagitahu yang mami ni memang aktif dalam bidang kesenian dan kebudayaan jadi mami pun kene jugok disitu kena *perform* [membuat persembahan] kena menyanyi kena mengajar *group-group* [kumpulan-kumpulan] yang-- (tokoh bergerak membaiki kedudukan sambil menyentuh hidung) ada orang yang berminat tapi takde orang yang-- nak bagi-- galakan diaorang untuk ambik bahagian kan. Jadi bila mami pergi sana mami diaorang mintak mami mengajar. Jadi mami terlibat ni banyak-- apa tu (berfikir) banyak cabang lah dan mami aktif ni di tempat kerja pon mami masa kerja di sekolah mami melatih budak-budak sekolah menari kan dua sekolah mami melatih dua-dua sekolah, SS2 (Sultan Sulaiman 2) dengan Tengku Ampuan Mariam mami melatih budak-budak menari, masuk pertandingan antara sekolah-sekolah dan diaorang menang dua-dua sekolah. Masa mami dekat pendidikan pun kita ada *group* [kumpulan] kita kan ada majlis apa hari guru ke apa ke-- jadi mami dengan *group-group* [kumpulan-kumpulan] ni mami jugok ambik bahagian salah sorang tenaga pengajar untuk *group* [kumpulan] pendidikan tu lah. Jadi masa duduk di kesihatan pejabat akhir mami sebelum mami bersara pon mami dimintak apa ni melatih koir kan buat sketsa untuk hari-- anugerah khidmat cemerlang jabatan jadi dimana mami bertugas pun mami tak boleh lari daripada meneruskan apa ni minat mami dalam bidang seni nin walaupun [Ralat gangguan internet] tu mami dimintak melatih dalam NGO (Non-governemnt Organization) gitu jugok PUSPANITA ke Lembaga Kebajikan Perempuan Islam pun mami dimintak jugok untuk melatih, menanggungai *group-group* [kumpulan-kumpulan] kebudayaan masing-masing melatih [nash-

id] nashid, kumpulan Lembaga Kebajikan Perempuan Islam Terengganu, jadi banyak cabang banyak aktiviti seni yang mami terlibat yang-- mana mami dapat anugerah ni selain daripada ulek mayang dan-- apa tu dan jugok gamelan lah. Dan gamelan pun sampai sekarang kalau ada *request* [permintaan] mintak mami menyanyi lagu gamelan tu mami menyanyi jugok lah jadi,

**NSS: Mami (tidak jelas)--**

WSS: Ya? Jadi anugerah-anugerah yang mami dapat tu 1972 mami dapat PJK (Pingat Jasa Kebaktian). 1972 dianugerahkan oleh Kebawah duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu [Malaysia] pada waktu itu lah. Ya 1979 (tokoh bergerak untuk batuk) mami dapat PPN (Pingat Pangkuan Negara) [Ralat gangguan line] tahun tujuh puluh sembilan [79] oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia sepatutnya agong tapi pada waktu itu yang menyampaikannya Timbalan Yang Dipertuan Agong di Kuala Lumpur [Malaysia] okay. 1987 mami dapat Anugerah Khidmat Cemerlang Negeri ya oleh Kerajaan Negeri lah. 1990-- mami dapat salah seorang penerima Anugerah Khas Juri-- tokoh budaya yang sepatutnya tokoh budaya sorang tapi pada tahun itu tahun 1990 tu tak ade tokoh budaya yang lain yang layak dapat jadi telah dibagikan kepada lima [5] orang. Mami merupakan salah sorang okay. [199-puluh]-- (tokoh cuba mengingat) 1992 ke 1993, 1992 kot (gangguan bunyi latar) mami dianugerahkan AMT (Ahli Mahkota Terengganu) [Malaysia] ya Ahli Mahkota Terengganu--, lagi (reaksi muka tokoh sedang berfikir) [19- dua ribu dua ribu] mami ambik anugerah yang besar-besar jelah ya. 2015 mami dapat Tokoh Budaya Sekolah Sultan Sulaiman tu Sekolah Menengah Sultan Sulaiman [Terengganu, Malaysia] sebab mami bekas murid Sultan Sulaiman jadi seramai-ramai murid Sekolah Sultan Sulaiman tu berapa ramai yang *recording* [rakaman] artis ya yang penyanyi-penyanyi yang buat



rekod lah tapi mami yang dapat tokoh budaya sebab mami terlibat sehingga sekarang sehingga 2015 tu mami terlibat dan mami terlibat dalam semua bidang seni bukan menyanyi sahaja okay. 2016 mami dapat Anugerah Tokoh Seni Budaya Negeri Terengganu [Malaysia]. 2016 ya apatu oleh JKKN Terengganu [Malaysia] okay. 2000-- April 2018 mami dapat mami merupakan salah seorang daripada dua puluh empat orang [24]. Dia setiap daerah tiga orang [3], daerah Kuala Terengganu [Malaysia] mami salah seorang daripada tiga [3] tu dapat Anugerah di malam apresiasi anak seni lah okay. Dan 2018 jugak-- mami dapat Anugerah Tokoh Gamelan Melayu Terengganu [Malaysia] 2018.-- Rasanya yang besar-besarnya yang itu jugok lah.

**CWS: Kiranya dalam banyak-banyak anugerah yang mami dapat tu mana yang paling mami terkesan?**

WSS: Sebab dia anugerah oleh Kebawah Duli Tuanku-Tuanku ni dia berbeza dari--

**CWS: 1972--**

WSS: Daripada anugerah lain kan. Dari segi anugerah dari Sultan ni AMT (Ahli Mahkota Terengganu) [Malaysia] adalah pencapaian yang tertinggi, Ahli Mahkota Terengganu [Terengganu] tu kan tapi dari segi-- (tokoh mendongak) yang lain tu Anugerah Tokoh Seni dan Budaya tu pada mami kira yang terbesar lah yang ni memang seluruh [se-] apa ni penglibatan mami diambil kira dari semua--aspek kebudayaan seni dan budaya sebab tu tokoh-

**CWS: Yang sekali dengan Tokoh Gamelan Tradisional Melayu kan mami?**

WSS: Tokoh Gamelan tu pon ya (bunyi ayam berkokok) Tokoh Gamelan Terengganu [Malaysia] pon satu [sa-tu] anugerah yang mami rasa syukur Alhamdulillah lah sebab penglibatan mami dalam gamelan sejak gamelan dihidupkan kembali pada akhir 60-an jugok tu sehingga [ke-ke-ke] ni lah *lately* [kebelakangan] ni lah walaupun ada lagi-- jemputan-jemputan untuk menyanyi lagu-lagu gamelan tu kan yang itu merupakan satu anugerah yang memang (berfikir sambil memandang ke kanan) penglibatan mami dalam khusus dalam gamelan itu dihargai sehingga mami dianugerahkan Tokoh Gamelan Melayu Terengganu [Malaysia] ya.

NSS: **Mami.**

WSS: Ya.

NSS: **Mami kan ada pernah buat persembahan ulek mayang di dalam istana kan?**

WSS: Istana? (Berkerut)

NSS: **Haah**

WSS: Istana (memejamkan mata sambil berfikir)

NSS: **Ada ke takde (tiada)?**

WSS: Istana mami ingat setakat mami ingat lah gamelan banyak sebab tarian gamelan ni merupakan tarian istana kan tapi ulek mayang tu

kalau dipentas-pentas diluar-luar kalau ada persembahan dari luar dari kalau ada persembahan luar daripada Terengganu [Malaysia] apa tu memang ulek mayang tu memang sentiasa apa tu orang mintak lah ulek mayang ni dipersembahkan (memejamkan mata) setakat yang mami ingat dalam istana (gangguan orang berjalan di belakang) (gangguan bunyi telefon) dalam istana setakat yang mami ingatlah sehingga mami berhenti tu dalam istana takde rasanya ulek mayang. Kalau dipentas luar tu kan ada acara-acara persembahan malam tu biasanya ada buat persembahan tapi di istana (bergerak sambil membaiki tudung) (gangguan orang berjalan di belakang) rasanya-- tak mami (gangguan orang berjalan di belakang) tak ingat lah.

**CWS: Takpe mami.**

**NSS: Takpe mami.**

WSWS: (reaksi sedang berfikir) tapi TV-TV pernah buat lah di rakaman TV (Televisyen), RTM (Radio Televisyen Malaysia) dan pernah siar lah dan tarian gamelan di RTM lah pernah keluar TV lah.

**NSS: Mami dalam berapa kali persembahan ulek mayang disiarkan di Televisyen?**

WSWS: (Tokoh sedang berfikir) kalau persembahan tu selepas pada mami, mami tak ingat tapi masa mami tu pernah sekali kita pergi buat selain dari tarian-- rakyat Terengganu [Malaysia] yang lain, kita pernah buat sekali di RTM tu (terdiam sejenak kerana tokoh sedang berfikir) kalau orang *interview* [temuramah] mami tentang ulek mayang tu banyak stesen jugok lah orang *interview*

[temubual] macam ni lah-- tentang ulek mayang kan yang tu banyak kali lah-- TV3, TV1, TV Singapore, haritu keluar ASTRO ke ape entah (penemu bual mengangguk) banyak kali lah kalau sesi *interview* [menemubual] lah TV OKEY banyak kali lah tapi sesi *interview* [temuramah] lah *interview* [temuramah] dengan mami lah.

**NSS: Faham-faham.**

WSS: Tapi selepas mami-- berhenti tu mami tak tahu mungkin ada kot diaorang mungkin adalah diaorang apatu ada-- *shooting* [merakam] untuk TV tu wallahuwa'alam.

**CWS: Mami dalam sepanjang mami berkecimpung dalam ulek mayang ni apakah cabaran yang terbesar mami pernah hadap mami pernah terima (mengerakkan tangan)?**

WSS: Apa tu? Tak berapa dengar.

**CWS: Cabaran.**

WSS: Apa tu? Cabaran?

**CWS: Haah.**

**NSS: Cabaran terbesar mami dalam sepanjang berkecimpung dalam tarian ulek mayang.**

WSS: Cabaran.

**NSS: Seingat mami lah.**

WSS: Cabaran macam mana tu? (Sambil menggaru hidung) cabaran macam mana tu?

**CWS: Macam tiba nak buat persembahan tu ada hal ke ada tak dapat nak buat ke macam mana nak buat nyanyian ke?**

**NSS: Ada perkara yang [ada perkara yang perlu] di selesaikan (gangguan suara bertindan).**

WSS: Setakat yang mami ingat (sambil tangan menyentuh muka) takde setakat yang mami ingat takde (kedua belah tanga diletakkan di pipi) (berfikir sejenak) takde halangan ataupun cabaran yang-- takde-- takde ---

**CWS: Kiranya masa mami menari tu macam pernah-- cedera ke apa macam sakit kaki ke?**

WSS: Oh takde-- Cuma dari segi tarian ni menari tu memang pengalaman menari tu memang tidak-- sebanyak mana menyanyi lah sebab dah ramai penari-penari baru kan.

**CWS: Betul.**

WSS: Dan orang yang menyanyi nya tak ramai yang boleh menyanyi jadi mami *concentrate more* [tumpukan lebih] dalam nyanyian. Jadi peluang menari mami tu tidak sebanyak mana lah kan sebabnya--- mami banyak *concentrate* [tumpukan] kepada menyanyi, mengiringi tarian. Yang pertama takde orang nyanyi, yang kedua tu ramai penari-penari baru, kira mami ni (membetulkan kedudukan) penari senior lah kan. Jadi mami kalau menari tu tidak banyak mana lagipun sewaktu mami-- aktif sangat (tokoh menelan air liur sambil menggerakkan tangan) aktif sungguh lah, pada waktu itu tidak banyak kemudahan audiovisual macam sekarang kan? menari kan orang *shoot* [rakam] ambik video, buat rakaman kan? Memang masa mami, walaupun kita orang yang mula-mula sekali aktif kan dalam semua bidang seni, tapi pada waktu itu awal enam puluh an tidak ada haa (ya) tidak ada kemudahan ni nak rekod ke untuk diabadikan untuk anak cucu cicit mami sampai sekarang kan haa (ya) kan tidak ada. Itupun nasib baik yang lagu-lagu yang senandung Terengganu [Malaysia] tu dalam CD Senandung Terengganu [Malaysia], itupun tahun sembilan puluh mami rasa kan? Tapi masa mami terlibat tu memang tak [tak-de] takde lah, kalau ada gambor-gambor yang (tokoh membuat bunyi mulut) gambor (gambar) yang sti Photo je lah kan takde video, takde apa kan hor (ya) tu nasib mami lah tu (ketawa kecil) sebab kita merupakan orang yang mula-mula orang yang-- kan dah warga emas ni jadi masa dulu kita terlibat walaupun masa umur empat belas [14] tu mami dah terlibat dah berlakon jadi penari-penari dalam cerita-cerita kan tapi takde-takde kemudahan audiovisual takde pada waktu itu jadi yang tu rugi sikit lah tapi kalau ada pun gambor-gambor yang (sambil melihat ke sebelah kanan) yang kemudian ni tu kita pun--Cuma orang kenal nama jelah kan hor (ya) jadi nak tunjuk bukti ni video saya ni hor (ya) takde lah.

**CWS: Kalau taip kat Google, (sambil membuat isyarat tangan) tu memang keluar lah nama mami tapi macam-**

WSS: Ha ye lah yang tu yang menyanyi- itupun ada yang gamelan yang ada sebab *lately-lately* [kebelakangan] ni, mami banyak *involve* [terlibat] gamelan. Ulek mayang dok berapa (tidak seberapa) kan (gangguan penemubual) masa zaman- [ge-ge] gamelan ni sebab dia- - kemudian ni dah ada kemudahan. Ada video [au-sio] ade audiovisual kan ada festival gamelan-- mami festival gamelan dua tahun sekali tu anjuran Terengganu [Malaysia] lah negeri Terengganu [Malaysia] 2008, 2010, 2013, 2015, 2017. Lima kali [5] Festival Gamelan sedunia haa yang Terengganu [Malaysia] *host* [menganjurkan] tuan rumah buat di Terengganu [Malaysia]. Lima-lima kali ning memang mami terlibat----

**CWS: Mami jadi juri?**

WSS: Ya? Mami menyanyi. Hor (ya).

**CWS: Mami jadi juri? Oh menyanyi.**

WSS: Mami menyanyi, mami salah seorang Jawatankuasa yang bincang [tuk] bukan jawatankuasa induk- *Group* [kumpulan] mami ini SAGA Warisan (Sahabat Gamelan) lah. Hor (ya) dia biasa setiap dua tahun ada festival tu memang ada jemputan untuk SAGA (Sahabat Gamelan) ni buat persembahan. Jadi untuk persembahan apa-apa ni mami salah seorang jawatankuasa yang bincang dalam nak buat-tarian apa, cerita apa kan tapi gamelan lah. Sebab tu gamelan sampai ke kedian (Sekarang) ni pon memang mami *involve* [terlibat] lah. (gangguan bunyi) mami menyanyi mami merupakan ya?—

**CWS: Mami kiranya mami lebih kepada ulek mayang ke gamelan, mami lebih suka terlibat?**

WSS: (berfikir sejenak)--- sebab ulek mayang tu mami (sambil menggaru hidung) memang sebab mami merupakan orang yang pertama menyanyi kan, orang kenal mami pon sebab itu tapi penglibatan mami dalam tarian tu tidak berapa lama sebagaimana mami cerita tadi lah hor (ya) tapi oleh kerana mami merupakan orang yang mula-mula menyanyikan gamelan jadi kalau ada apa-apa yang orang ingin tahu tentang gamelan memang orang akan *refer* [rujuk] ke mami lah dah banyak-- *student* [pelajar] macam wani sama lelah ni dari [me-] beberapa IPT lah ye yang datang rumah mami semasa sebelum PKP (Perintah Kawalan Pergerakan) ni yang datang buat--ni lah buat *assignment* [tugasan] (sambil memegang dagu) kerja khusus macam ni, ada yang gamelan, ada yang ulek mayang. Mami bantu lah setakat yang mami mampu kan setakat yang mami tahu lepas tu gamelan ni pun walaupun-- mami jugak merupakan orang yang pertama apabila gamelan--- dihidupkan kembali pada akhir enam puluh an ya (gangguan line) memang banyak menari gamelan-- bila mami tak dapat menari [sic, -menyanyi] menyanyi juga mami merupakan orang yang pertama menyanyikan lagu gamelan selepas dihidupkan kembali. Pahami dok dihidupkan kembali tu? *Revive* [menghidupkan semula]-

**CWS: Faham mami (mengangguk).**

WSS: Dulu gamelan ada-- dulu gamelan ada lepas tu ha bila Jepun masuk Sultan Sulaiman mangkat takde gamelan selepas dua puluh lima [25] tahun takde gamelan lagi doh sehingga gamelan itu dihidupkan (gangguan penemubual) kembali lepas dua puluh lima [25] tahun ya



jadi mami [me-me-nya]- apabila di *revive* [menghidupkan semula] tu (gangguan bunyi) mami orang yang pertama (menoleh ke kiri) mami merupakan orang yang pertama-- menyanyi lah juga merupakan salah seorang penari yang dapat tunjuk ajar daripada penari asal (gangguan bunyi) (memanggil anaknya) tak pe ke? Dengor dok?

**CWS: Takpe-takpe mami, dengar-dengar je suara mami.**

**NSS: Dengar-dengar mami.**

WSS: Dengor ke?

**NSS: Okay-okay mami.**

**CWS: Dengar belakang.**

WSS: Tak ganggu? Tak ganggu?

**NSS: Jelas-jelas.**

WSS: Jadi mami jugok merupakan salah seorang (gangguan bunyi) yang penari (menoleh ke kiri) (diam seketika) merupakan salah seorang penari yang mendapat tunjuk ajar dari penari asal Istana Kolam [Terengganu, Malaysia]. Arwah Mok Nang. (penemubual mengangguk) dia penari asal lah di zaman kegemilangan gamelan tu ya ya tahun [tah-un] berapa tu tiga puluh an sampai ke gamelan

apa ni senyap kan bila Jepun masuk dengan Sultan Sulaiman mangkat tu Mok Nang ni merupakan (gangguan isyarat internet) salah seorang penari jadi bila dia *revive* [menghidupkan semula] tu Mok Nang yang mengajor tapi dia pun pendek umur kan, dia umur dia-- lima puluh [50] lebih lapan puluh an [80-an] lebih tu dia meninggal tapi merupakan salah seorang anak murid dia lah hor (ya) tapi oleh kerana gamelan ni tidak ramai penari yang boleh tu walaupun pada peringkat awalnya ada penari-penari yang tu tapi masing-masing bila dah kahwin diaorang tak aktif lagi (penemubual mengangguk) dia- ada yang kahwin pindah keluar daripada Terengganu [Malaysia] tapi mami dengan ada beberapa orang tu (gangguan bunyi) memang kiranya anak murid asal Mok Nang lah haa jadi itu yang banyak-banyak *involve* (terlibat) dengan gamelan tu tapi ulek mayang ni-

**CWS: Mami kiranya-**

WSS: Ya.

**CWS: Kiranya mami teruskan.**

WSS: Dak-dak apa tu wani [sic, lebah] kata apa?

**CWS: Tak mami saya nak tanya kiranya mami-- perasaan mami menjadi penyanyi pertama dalam ulek mayang.**

WSS: Perasaan?

**CWS: Haa perasaan mami.**

WSS: Memang mami rasa *happy* [gembira] bangga, kan merupakan orang yang pertama menyanyi ulek mayang sebab ulek mayang ni sudah begitu popular sekarang kan (gangguan penemubual bercakap) (penemubual mengganggu) dan juga ha-- dan orang kenal mami pun melalui ulek mayang ni jugok lah kan ramai orang luar yang-- kenal mami dengan menonton *YouTube* mami tulah walaupun tak dapat tengok berdepan dengan mami ni kan.

**NSS: Mami nak tanya (diam seketika) selain [da-rip] selain daripada lagu ulek mayang apakah lagu yang sering mami nyanyikan di dalam majlis-majlis jemputan.**

WSS: (Berfikir seketika) (Diam seketika) mami juga merupakan salah seorang penyanyi lagu-lagu rakyat Terengganu [Malaysia] semasa mami aktif dalam SUKTRA (Kumpulan Pemuzik dan Penari Tetap Terengganu) ya. Kebiasaanya lagu-lagu rakyat ini akan mengiringi tarian-tarian rakyat ya jadi mami merupakan salah seorang penyanyi latar la penyanyi latar penyanyi *background* [latar belakang] mengiringi tarian tu. Lepas tu kalau lagu-lagu biasa pun mami biasa menyanyi tapi bila lagu biasa ni ramai orang boleh menyanyi dan ramai lagi orang lain yang suaranya lebih sedap daripada suara mami kan jadi--

**CWS: Tapi suara mami sedap lagi.**

WSS: Jadi mami tidak berapa *famous* [terkenal]-- sangat lah kalau lagu-lagu--biasa tu ha tapi kalau lagu ulek mayang ni—ataupun lagu gamelan oleh kerana-- tidak—walaupun ada orang yang boleh

menyanyi lagu gamelan dan lagu ulek mayang ada setengah orang tu dia lebih *prefer* [cadang] nak dengar mami nyanyi kan mami tidak boleh memaksa orang-- untuk meminati mami tapi ada setengah orang kan dia lebih-- minat untuk mendengar mami yang menyanyi lagu-- gamelan ni dengan lagu ulek mayang oleh kerana mami merupakan orang yang asal walaupun tak sesedap penyanyi baru sekarang ni kan suara yang-- lebih-- sedap lagi daripada suara mami tapi ada-- penganjur kadang-kadang tu memang dia-- jemput mami lah untuk menyanyi itu saja lah. Dari segi mendapat undangan ni mami tak boleh-- nak memaksa orang kan jadi kalau ada orang jemput mami tu (gangguan bunyi) untuk menyanyi boleh lah untuk nok mengajar dan nak menari tu tak berapa-- tak berapa mami pon tak berapa sihat dah sekarang kan, faktor usia jadi kita pon dari segi-- - kalau nak tunjuk ajar dari segi pergerakan saja tu (gangguan line)- --- boleh tapi praktikal tu tak boleh lah kan hor (ya) sebab mami dah-- berusia.

**CWS: Mami pada pendapat mami adakah ulek mayang ni (isyarat tangan) telah dilupakan (sambil memandang ke bawah) oleh generasi sekarang macam tak ramai orang yang-**

WSS: Apa tu? Ada ramai orang?

**CWS: Macam pada pendapat mami, mami rasa-**

WSS: Aha (bersetuju)

**CWS: Generasi sekarang macam masyarakat sekarang ni sudah dilupakan ke tak pasal ulek mayang ni macam diaorang berminat ke tak berminat lagi pada pendapat mami?**

WSS: Kalau-- kita tengok pada--(gangguan bunyi) persembahan dari *group-group* [kumpulan-kumpulan] yang baru ni kan (penemubual mengangguk) masih ada *group-group* [kumpulan-kumpulan] yang baru, angkatan yang baru yang masih nak persembahkan tarian ulek mayang ni jadi pendapat mami maknanya masih ada segelintir peminat-peminat seni kita yang masih berminat lah dengan ulek mayang ni sebab kalau tak silap mami daripada apatu *feedback* [maklum balas] yang mami dapat kebiasaannya kalau ada satu ada perjumpaan-perjumpaan sama ada *girl guide* [Pandu Puteri] ke kan persatuan ni-- kebiasaannya bila ada je persembahan ada je *group* [kumpulan] yang buat ulek mayang kan kebiasaannya lah kita dengar yang timbul cerita histeria-histeria tu (gangguan penemubual) maknanya masih ada jugok lagi lah orang yang berminat dengan ulek mayang ni dan jugok ada jugok (gangguan penemubual) apa artis-artis yang nak selitkan jugok dengan lagu ulek mayang kan Ella ada bawok haritu katanya lah tapi mami pon tak dengar ulek mayang, Uji Rashid pon ada haritu *and then* (dan kemudian) Kromok kumpulan Kromok rock tu dia-- katannya dalam lagu dia mami sendiri pon tak dengar tapi mami dengar cerita lah, kepala lagu dia tu memang suara mami--

**CWS: Ohh dia tiru suara mami.**

WSS: Dia ambik depan lagu tu memang suara mami (menongkat kepala dengan sebelah tangan) lagu ulek mayang tu sedang kan memang mami tak tahu langsung dan dia pon tak-- bagi tahu langsung kita yang dia nak guna suara mami (gangguan penemubual) itulah kita ni penyanyi biasa, penyanyi kampung kan haa sedangkan penyanyi hok artis pon ada jugok orang-- apa tu dia panggil apa tu haa jadi kalau komplain pun tak pah (sampai) kemana pun kita sapa lah mami kan (gangguan penemubual) siapa lah mami kan dengan

pencipta lagu pon dia tak bagitahu sampai arwah tu dah meninggal kan haa jadi siapa la kita nak komplain kita bukan *recording* [rakaman] artis yang ada apa hak cipta terpelihara kan boleh nak *sue-sue* [saman-saman] tu takde lah ada yang buat kepala lagu suara mami yang dia ada sorang tu lah mami tak perlu bagi tahu lah (menyentuh hidung) sape tu-- yang kepala lagu yang ulek mula-mula tu memang suara mami betul-betul tapi bila masuk kat yang ada tempo tu (tokoh menyanyikan lagu ulek mayang) *puteri dua berbaju serong* haa masa *part* [bahagian] tu baru suara dia tapi kepala lagu tu memang suara mami betul-betul (tokoh membuat isyarat tangan) haa tapi tu pun gitu jugok tak-- bagitahu kita jugok (diam seketika).

**CWS: Seterusnya, apa harapan mami mengenai seni kebudayaan ulek mayang ni pada generasi sekarang macam mami nak generasi sekarang lebih berminat ke lebih nak belajar pasal ulek mayang (menoleh ke kiri)**

WSS: Pada mami lah, pada mami sebagai orang yang mula-mula menyanyikan ulek mayang, orang yang mula-mula jugok menari ulek mayang ni memang harapan mami agar generasi akan datang ni belajar-- menari ulek mayang ni lah sebab dia merupakan satu seni warisan bukan sahaja untuk negeri Terengganu [Malaysia] dan jugok dia merupakan warisan seni kita lah seni warisan tradisional seni warisan kita lah di [di-di] Malaysia ni. Sebagaimana jugok (gangguan line) orang ingin belajar apa tu lagu-lagu ataupun tarian-tarian di-- dari negeri-negeri lain. Hor (ya) jadi mami memang berharap lah pihak-pihak yang tertentu dapat apatu dapat menganjurkan (berdehem) khursus-khursus terutama sekali untuk orang-- budak-budak sekolah lah dari sekolah rendah agar-- tarian ulek mayang ini tidak akan apa hilang begitu sahaja.

**(serentak)**

**CWS: Kiranya siapa yang--**

**NSS: Mami--**

**CWS: Kiranya siapa yang bertanggungjawab mami?**

WSS: Ya? Ya?

**CWS: Kiranya siapa pihak yang bertanggungjawab yang patut buat-- kempen  
macamtu untuk lagi--**

WSS: [da-ri] dari segi-- budak-budak sekolah sepatutnya Jabatan  
Pendidikan haa--

**NSS: Betul-betul.**

WSS: Jabatan pendidikan Negeri yang jugok dengan kerjasama Jabat  
kebudayaan ni lah Jabatan [kera-ancong] apa JKKN tu Jabatan  
Kesenian dan Kebudayaan Negeri kan tapi dulu dia pernah buat ada  
khursus TUNAS tu, TUNAS tu untuk budak-budak sekolah rendah  
lah kan hor (ya) tapi-- sebaiknya lepas-lepas Covid ni ork? (kan)  
inisiatif ke-- jabatan-jabatan yang berkaitan ni patut diteruskan lah  
bukan sahaja ulak mayang malah tarian-tarian rakyat lain dan juga  
gamelan dan sebagainya lah agar seni warisan kita tidak akan--  
pupus dan hilang begitu sahaja.

**NSS: Mami, jadi pada pendapat mami lah apakah cadangan ataupun langkah yang patut dilakukan oleh pihak yang bertanggungjawab untuk mempromosikan lagi warisan seni budaya ini dalam nyanyian dan tarian ulek mayang khususnya tarian ulek mayang—**

WSS: Maknanya?—

**NSS: Dalam--cadangan lain maksud saya cadangan lain (senyum)-**

WSS: Ya lah [ma-em] (diam seketika) sepatutnya mami pon tak tahu jabatan mana ataupun rasanya samaada-- jabatan kebudayaan kesenian ataupun pelancongan negeri kan setiap kali ada--kalau ada promosi dari negeri Terengganu [Malaysia] ke KL [Malaysia] ke apa-apa ataupun ada apa-apa di peringkat negeri ni sendiri selitlah membuat persembahan tarian ulek mayang ini ya setiap kali apa ni ada-- persembahan lah persembahan kebudayaan ke promosi pelancongan ke apa-apa selitlah membuat persembahan ulek mayang ini setiap kali ada promosi ni lah promosi-promosi menggalakkan pelancongan ke negeri Terengganu [Malaysia] ke samaada buat di KL [Malaysia] ke atau peringkat negeri ni ke jangan lupa selitkan tarian ulek mayang dan juga gamelan ni lah yang boleh-- (gangguan bunyi) menaikkan--

(termuramah terhenti kerana gangguan teknikal line terputus)

**CWS: Mami ada apa-apa tak nak ceritakan yang mami tak ceritakan lagi sepanjang *interview* [temuramah] kita ni?**

WSS: Rasanya, tak ada dah rasanya.



**CWS: Mami dah ceritakan daripada awal penglibatan mami asal usul tu--**

WSS: Haa (ya) rasanya dah *cover* [melangkaui] semua dah.

**CWS: Kalau kami nak dengar mami nyanyi boleh?**

WSS: (Ketawa kecil) boleh.

**NSS: Haah betul (ketawa besar).**

WSS: Kalau nak elok lagi boleh ambil daripada *YouTube* tu sekarang ni boleh nyanyi sikit tapi nak ambik yang-- elok tu boleh ambik kat *Youtube*-- original version Ulek Mayang tu (gangguan penemubual) nak dengor? sekarang ni?

**NSS: Haah kami nak dengar *live* [secara langsung] (ketawa kecil)**

WSS: (Ketawa kecil) jap ye (ketawa kecil) nafas pendek doh.

**NSS: Chewan rakam ye.**

**CWS: Takpe mami.**

WSS: (tokoh sedang menyanyikan lagu ulek mayang)

*Umbuk mayang di umbuk,  
Umbuk dengan jalan jemala,  
Ulek mayang di ulek,  
Ulek dengan puteri nya dua.  
Puteri dua berbaju serong,  
Puteri dua bersanggol sendeng,  
Puteri dua bersubang gading,  
Puteri dia bersanggol sendeng.  
Umbuk mayang di umbuk,  
Umbuk dengan jala jemala,  
Nak ulek mayang di ulek,  
Ulek dengan puterinya empat,  
Puteri empat berbaju serong,  
Puteri empat bersanggol sendeng,  
Puteri empat bersubang gading,  
Puteri empat berselendang kuning.  
Umbuk mayang di umbuk,  
Umbuk dengan jala jemala,  
Nak ulek mayang di ulek,  
Ulek dengan tuan nya puteri.  
Ku tahu asal usulmu,  
Yang laut balik ke laut,  
Yang darat balik ke darat,  
Nasi berwarna hamba sembahkan.*

*Umbuk mayang di umbuk,  
Umbuk dengan jala jemala,  
Pulih mayang ku pulih,  
Pulih balik sediakala.*

**CWS: Wah mami (senyum).**

**NSS: Sedapnya suara mami (bertepuk tangan)**

**CWS: Terima Kasih mami.**

WSS: Nafas pendek (ketawa kecil).

**CWS: Masih sedap mami masih berbisa.**

**NSS: Merdunya suara mami**

WSS: Suara karat doh.

**NSS: (Ketawa kecil) (diam seketika)**

**CWS: Mami kita dah di penghujung—**

WSS: Mami-- nak tambah kalau rasakan tak perlu boleh *delete* [padam] lah  
ye. Kalau rasanya tak relevan dengan-- apa ni dengan-- topik kita

pada pagi ni boleh *delete* [padam] lah ye saja pada mami ia merupakan satu penghargaan dan kenangan yang sangat indah buat mami lah jadi sepanjang penglibatan mami ni walaupun bukan dalam ulek mayang sahaja mami telah berpeluang ke Hong Kong menyertai The 9th Asean Art Festival di Hong Kong pada tahun 1984 walaupun dia khusus untuk persembahkan tarian gamelan pada waktu itu dan mami dan kumpulan SUKTRA (Kumpulan Pemuzik dan Penari Tetap Terengganu) jugok telah dipilih mewakili Malaysia untuk misi penggalakan pelancongan Malaysia ke beberapa buah negara di Eropah ya pada tahun 1988. Mami ke Frankford Germany, ke Amsterdam [Netherlands] ke Itali ke Paris ke [ke] Milan, Italy Amsterdam ke Paris ke London [United Kingdom] dan jugok ke Zurich [Switzerland] pada tahun 1988 lah lebih kurang-- sebulan lah mami menyertai misi tu dan kumpulan SUKTRA (Kumpulan Pemuzik dan Penari Tetap Terengganu) di-- dipilih lah untuk mewakili Malaysia dalam misi ni saja lah untuk [un-tuk] pengetahuan jadi kalau sekiranya ianya tidak relevan untuk projek ni leha dengan wani boleh *delete* [padam] sekiranya ianya dapat membantu boleh-- apa ni masukkan sekali lah sebab pada mami ia merupakan satu pencapaian lah atau satu peluang yang sangat-- besar untuk mami sebagai orang biasa kalau kita nak pergi sendiri ke (gangguan bunyi) semua tempat ni memerlukan perbelanjaan yang besar jugak jadi dengan dapat menyertai ni satu bonus lah buat mami yang tak-- apa ni-- susah untuk mami lupakan lah pengalaman manis ni.

**CWS: Mami kiranya sekarang mami masih berhubung ke dengan yang ahli kumpulan SUKTRA (Kumpulan Pemuzik dan Penari Tetap Terengganu) yang lain?**

WSS: (Diam seketika) mami-- kalau dengan yang-- dengan-- kumpulan tu sendiri-- kumpulan SUKTRA (Kumpulan Pemuzik dan Penari

Tetap Terengganu) sekarang masih ada di bawah [di-baw-ah] Pelancongan Negeri Terengganu [Malaysia]. Dua—dua [2] tiga [3] tahun yang lepas kalau ada apa-apa aktiviti yang diaorang buat mami biasa jugak dijemput menganggotai atau menjadi ahli jawatankuasa dalam beberapa aktiviti di pelancongan tu dan mami jugok adakalanya mami jugok dijemput untuk menjadi apa ni seorang dari juri nak kata juri tak juri jugok lah apabila ahli-ahli SUKTRA (Kumpulan Pemuzik dan Penari Tetap Terengganu) tu ada diaorang ada katakan khursus ke apa ke mami jugok dijemput salah sorang nya lah yang biasa untuk memberi khidmat nasihat pandangan dan sebagainya dan ada jugok kalanya kalau diaorang buat diaorang ade buat belajar tarian-tarian-- kebiasaannya mami sekarang apabila *lately* [kebelakangan] ni lah lebih kepada-- gamelan lah khidmat nasihat mami diperlukan lebih kepada gamelan lah apa lagi? (Serentak) dulu mami dulu Terengganu -- [Malaysia] ada akademi seni-- macam-- sekolah lah kan tapi dia bukan-- macam ASWARA (Akademi Seni dan Warisan) tu adalah khursus jangka pendek yang-- lepas tu mami (temuramah terhenti kerana gangguan teknikal line terputus)

**CWS: Mami teruskan tadi ke--**

WSS: Ya apa tu?

**NSS: Mami berhenti kat mana tadi (gangguan bunyi).**

WSS: (gangguan suara) Dekat akedemi seni dok? Mami-- takpe mami boleh cerita je tapi nantikan wani ataupun leha boleh-- edit dan *delete* [padam] sebab mami pernah-- apa tu pernah mengajar di-- apa ni untuk *group-group* [kumpulan-kumpulan] tapi bukan ulek

mayang lah-- gamelan apa ni di Museum Pahang [Malaysia] megajar untuk menari Museum Pahang [Malaysia] di Pekan [Malaysia] pahang lah mengajar gamelan mami jugok pernah mengajar *student* [pelajar] ASWARA Aswara Akademi nu (di) di Kuala Lumpur [Malaysia] kan ASWARA (Akademi Seni dan Warisan) (gangguan bunyi) tapi *mostly* [keseluruhannya] gamelan lah menyertai apa ni dapat undangan menyanyi gamelan di ASWARA dan kebanyakannya gamelan-- lah tapi takpe terpulung pada wani dan leha lah kalau dapat membantu dapat menambahkan markah pada projek ni lagi baik kalau tak dapat takpelah *delete* [padam] je lah ya?

**CWS: Mami biasanya *student-student* [pelajar-pelajar] di universiti yang rujuk mami ni dia daripada bidang seni budaya (gangguan bunyi)**

WSS: Apa? Ya? Mami tak dengar.

**CWS: Pelajar universiti yang datang untuk *interview* [temuramah] mami —**

WSS: Aha (ya)

**CWS: Biasanya dia memang daripada belajar seni budaya ke macam mane?**

WSS: Tak jugok-- dia-- macam-macam fakulti tapi dia adalah kene buat kerja khursus atau *assignment* [tugasan] macam wani kan, ada tentang tokoh ada tentang gamelan ada tentang ulek mayang macam tu. Banyak rasanya tapi itulah silap mami sepatutnya setiap orang datang tu sepatutnya mami-- sebelum covid ni memang diaorang datang berdepan kan datang kerumah ni lah--

**CWS: Betul.**

WSS: Jadi mami apa tu-- catit kan dalam buku kan nama diaorang daripada universiti mana kan tajuk apa kan daripada fakulti mana patutnya gitu lah tapi nak-- dah terlalu ramai mami rasa-- mami *start* [bermula] pada tahun 1975 tu pada cikgu dia mengajar di sekolah sama mami bertugas Sekolah Rendah Sultan Sulaiman 2 [Terengganu, Malaysia] dia buat apa tu off-campus USM (Universiti Sains Malaysia) dia buat pasal ulek mayang la itu yang *first* [pertama] – orang yang pertama lah *interview* [temuramah] mami macam ni lah untuk kerja *assignment* [tugasan] diaorang lah lepastu banyok lah ramai kadang-kadang lima orang sekali datang kadang-kadang dua [2] orang kadang-kadang sorang tak tentu lah. Mami pon bantu lah setakat yang mami boleh kan apa yang mami tahu *share* [kongsi] je lah.

**CWS: Mami kalau ikutkan *interview* [temuramah] kita dah habis. Saya pon saya dan wani pon dah tanya soalan.**

WSS: Ya.

**CWS: Kiranya kita dah sampai ke penutup temu bual ni dengan ini tamatlah sesi temubual sejarah lisan mengenai bidang seni kebudayaan Ulek Mayang bersama Puan Wan Salmah Wan Sulaiman. Kami mengucapkan ribuan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan wawancara ini. Adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam bidang Ulek Mayang sendiri para penyelidik pada masa akan datang. Sekian terima kasih.**

# LOG TEMUBUAL



## 6.0 Log Temubual

Log	Topik	Butiran
0:02:05 – 0:06:20	<b>Latar belakang tokoh dan keluarga tokoh</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Nama tokoh ialah Puan Wan Salmah Binti Wan Sulaiman.</li> <li>• Umur: 77 Tahun</li> <li>• Panggilan yang digunakan ialah Mami.</li> <li>• Menetap di 3373 Kg Mengabang Tengah, Batu Burok, Kuala Terengganu.</li> <li>• Dilahirkan pada tahun 16 September 1944.</li> <li>• Nama arwah suami: Shamsuddin Bin Din.</li> <li>• Merupakan anak kedua daripada 12 orang adik-beradik dan yang tinggal kini hanya 6 orang.</li> <li>• Mempunyai 7 orang anak tetapi kini mempunyai 6 orang anak kerana anak sulungnya telah kembali ke rahmatullah.</li> <li>• Mempunyai 19 orang cucu dan 2 orang cicit.</li> <li>• Nama ibu: Dayang Binti Ali</li> <li>• Nama bapa: Wan Sulaiman Bin Wan Long</li> <li>• Adik-beradik lain tidak terlibat dalam ulek mayang.</li> </ul>
0:07:24 – 0:10:21	<b>Tahap Pendidikan tokoh</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sekolah rendah di Sekolah Kebangsaan Bukit Jambul dari</li> </ul>

		<p>darjah satu hingga darjah empat.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Menduduki peperiksaan Special Malay Class.</li> <li>• Lulus peperiksaan di Sekolah Kebangsaan Bukit Jambul dan dapat memasuki ke Sultan Sulaiman Primary School Special Malay Class One hingga darjah enam.</li> <li>• Menduduki peperiksaan untuk menyambung pelajaran ke tingkatan satu di Sekolah Sultan Sulaiman Secondary School hingga ke tingkatan lima.</li> <li>• Kelulusan: Senior Cambridge ataupun dipanggil sebagai Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM).</li> </ul>
0:11:45 – 0:14:17	<p><b>Latar belakang tempat tokoh bertugas</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 24 Januari 1963: Bertugas sebagai kerani pendidikan di Sekolah Kebangsaan Tengku Maryam.</li> <li>• 1 Februari 1975: Bertukar ke Sekolah Rendah Sultan Sulaiman II.</li> <li>• 1 Mac 1982: Dinaikkan pangkat ke kerani Kanan Pendidikan dan ditempatkan di Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu.</li> <li>• Menduduki satu peperiksaan khas untuk memasuki skim kumpulan b.</li> </ul>

		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Setelah lulus peperiksaan khas itu, memohon jawatan sebagai Penolong Pegawai Tadbir.</li> <li>• 1 Julai 1993: Ditempatkan di bahagian Latihan Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia Kuala Lumpur.</li> <li>• 1 Januari 1995: Bertukar balik ke Terengganu setelah pertukaran diluluskan.</li> <li>• Ditempatkan di Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu sehingga beliau bersara pada 16 September 1999.</li> <li>• Bertugas sebagai pegawai kerajaan.</li> </ul>
0:15:56-0:25:29	<p><b>Asal-usul sejarah Persatuan Belia Darul Ehsan</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ratusan atau puluhan tahun dahulu, ulek mayang merupakan jampi mentera yang digunakan oleh bomoh untuk berubat orang yang sakit.</li> <li>• Irama lagu atau melodi tidak seperti yang didengar sekarang.</li> <li>• 1960-an: Beliau merupakan seorang ahli Persatuan Belia Darul Ehsan Kuala Terengganu.</li> <li>• Persatuan Belia Darul Ehsan adalah persatuan yang sangat aktif dalam bidang kesenian dan kebudayaan di negeri Terengganu.</li> <li>• Memenangi pertandingan Darul Ehsan mewakili negeri</li> </ul>

		<p>Terengganu dan mewakili negeri Terengganu hingga ke peringkat kebangsaan.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Sebelum Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan ditubuhkan, pertandingan dianjurkan oleh Persatuan Kelab-Kelab Belia Malaysia Melayu, dan menang pada tahun 1961 dan 1962.</li> <li>• Setelah tertubuhnya Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, mereka memenangi pada tahun 1968.</li> <li>• Persatuan Belia Darul Ehsan sentiasa diundang oleh penganjur untuk acara persembahan kebudayaan sempena hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu.</li> <li>• Persatuan Belia Darul Ehsan) akan di-diundang untuk membuat persembahan untuk jamuan teh di kediaman Menteri Besar, jamuan-jamuan malam, malam anugerah pingat-pingat kebesaran, darjah-darjah di istana dan diminta juga untuk membuat persembahan malam sempena upacara perayaan tersebut.</li> </ul>
--	--	--

		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Membuat persembahan kebudayaan termasuk nyanyian, sketsa dan juga tarian antaranya ialah persembahan wayang kulit, rodan, makyong, dan ulek mayang.</li> <li>• Ahli Persatuan Belia Darul Ehsan berpendapat seandainya ulek mayang itu dipersembahkan kepada tontonan ramai dengan menjadikan sebagai sebuah drama tari sebelum terciptanya lagu ulek mayang seperti sekarang ini.</li> <li>• Dari sini, bermulanya persembahan ulek mayang dimana arwah Tuan Haji Mazlan Bin Embong mencipta lagu ulek mayang yang kita dengar sekarang dan mereka juga mencipta tarian.</li> <li>• Apabila beliau menari, ada orang lain yang perlu menyanyi dan iringan tarian dibuat secara langsung.</li> <li>• Apabila Puan Wan Salmah Binti Wan Sulaiman menari, saudari Fatimah Omar dari kelab Persatuan Belia Darul Ehsan akan menyanyi dan mereka membuat rakaman di Radio Television Malaysia</li> </ul>
--	--	---

		<p>(RTM). Kebiasaannya mereka akan merakam lagu terlebih dahulu dan rakaman tersebut akan dimainkan.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Puan Wan Salmah Binti Wan Sulaiman merupakan orang pertama yang merakamkan lagu ulek mayang di radio Terengganu pada awal 70-an dan beliau juga merupakan orang pertama merakamkan lagu ulek mayang ini di album Senandung, Terengganu keluaran pejabat setiausaha kerajaan Terengganu.</li> </ul>
0:26:15 – 0:31:55	<p><b>Persatuan Belia Darul Ehsan mencipta drama tari ulek mayang untuk persembahan</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tuan Haji Mazlan Embong mencipta berpandukan kepada jalan cerita asal permainan ulek mayang dan menyusun drama tari ke beberapa segmen. Mengikut jalan cerita asal, sebelum ulek mayang itu boleh dipersembahkan, bomoh itu dipanggil untuk berubat orang sakit.</li> <li>• Segmen pertama, mereka memaparkan sekumpulan nelayan yang pergi ke laut untuk menangkap ikan. Ketika kumpulan SUKTRA (Kumpulan Pemuzik dan Penari Tetap Terengganu) membuat</li> </ul>

		<p>persembahan ulek mayang, mereka menggunakan lagu kolek-berkolek.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Babak segmen yang pertama terjadi apabila nelayan pergi ke laut, datang ribut, taufan, kolek ataupun payang mereka yang dialun gelombang dan dipukul ribut taufan dimana mereka terdampar. Ada yang pingsan dan dibawa ke pantai. Ketika itulah, seorang bomoh dipanggil untuk mengubat pesakit dan bermulanya tarian ulek mayang.</li> <li>• Bomoh menggunakan mayang pinang untuk mengulek mayang pinang bagi menyeru ketujuh puteri itu.</li> <li>• Persembahan ulek mayang adalah untuk tujuan persembahan dan tidak ada niat atau percaya kepada perkara-perkara mistik.</li> </ul>
0:32:47– 0:35:08	<p><b>Tempoh masa diambil dalam tarian dan nyanyian ulek mayang</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tarian ulek mayang mudah dipelajari kepada penari yang sudah ada asas dalam menari.</li> <li>• Kebanyakan penari dalam Persatuan Belia Darul Ehsan telah ada asas dalam menari dan tidak mengambil masa yang lama untuk belajar.</li> </ul>

		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Puan Wan Salmah Binti Wan Sulaiman tidak menghadiri sekolah atau kelas vokal kerana pada masa dahulu tidak ada kelas vokal atau guru-guru vokal dan hanya menyanyi untuk diri sendiri sahaja.</li> </ul>
0:35:14 – 0:37:49	<b>Alat muzik yang digunakan di dalam ulek mayang</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Setiap tarian perlu menggunakan iringan muzik dan pada zaman dahulu hanya menggunakan gendang, gong dan accordion tetapi pada hari ini adanya dengan menggunakan alat-alat muzik moden. Contohnya seperti compact disc senandung Terengganu dengan menggunakan sound effect seperti yang didengar di dalam lagu iaitu guruh, dan petir yang menunjukkan ombak.</li> <li>• Untuk kelihatan lebih real dengan menggunakan sound effect.</li> </ul>
0:38:07 – 0:42:43	<b>Mewariskan ulek mayang</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kumpulan SUKTRA (Kumpulan Pemuzik dan Penari Tetap Terengganu) ini kumpulan penari dan pemuzik tetap negeri Terengganu di bawah pejabat setiausaha pejabat kerajaan ditubuhkan pada 1 April 1974. Kumpulan SUKTRA (Kumpulan Pemuzik</li> </ul>



		<p>dan Penari Tetap Terengganu) yang meneruskan persembahan kesenian dan kebudayaan negeri Terengganu ini termasuklah gamelan dan ulek mayang.</p>
0:42:43 – 0:45:42	<p><b>Teknik yang digunakan dalam menyanyikan ulek mayang</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Dari segi lenggok suara dan nada, gaya menyanyi terpulang kepada individu.</li> <li>• Puan Wan Salmah Binti Wan Sulaiman merupakan orang yang pertama menyanyikan lagu ulek mayang tapi adakalanya ada pihak tertentu yang meminta beliau untuk menyanyikan lagu ulek mayang.</li> <li>• Cara penyampaian itu terpulang kepada masing-masing dan cara masing-masing membawa lagu ini mengikut lenggok patah lagu masing-masing. --</li> <li>• Setiap kali beliau menyanyi pasti akan menyanyi dengan penuh perasaan, menghayati setiap lirik dan patah-patah perkataan lirik lagu berkenaan.</li> <li>• Beliau turut menjiwai lagu ini untuk memberi roh kepada puteri-puteri dan bomoh itu supaya mereka dapat menari dengan baik dan elok.</li> </ul>

		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Beliau akan menyanyi sepenuh jiwa dan raga dan menyanyi dengan sehabis baik mungkin dengan penuh penghayatan.</li> </ul>
0:45:43 – 0:46:55	<p><b>Tempoh masa yang diambil untuk belajar lagu ulek mayang</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Puan Wan Salmah Binti Wan Sulaiman tidak belajar cara menyanyikan lagu ulek mayang kerana hanya mengikut apa yang diajar oleh arwah Tuan Haji Mazlan bin Embong dengan mudah kerana beliau merupakan orang yang mencipta lagu ulek mayang ini.</li> <li>• Puan Wan Salmah Binti Wan Sulaiman tidak belajar atau mengambil latihan secara khusus yang mengambil tempoh dua atau tiga bulan tetapi hanya mendengar cara nyanyian dari arwah Tuan Haji Mazlan bin Embong.</li> </ul>
0:46:58 – 0:51:01	<p><b>Perbezaan lirik lagu ulek mayang terdahulu dan zaman sekarang</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kumpulan Belia Darul Ehsan dan Tuan Haji Mazlan bin Embong mengikut lirik lagu ulek mayang yang betul seperti yang digunakan oleh bomoh cuma ada sedikit perubahan yang dilakukan tetapi tidak ada perubahan khusus hanya jampi mentera yang digunakan oleh bomoh itu terlalu panjang kerana bomoh itu menyeru puteri demi puteri sorang demi</li> </ul>

		<p>sorang puteri daripada puteri satu.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Jika mengikut lirik asal ia terlalu panjang hingga membosankan penonton jadi Kumpulan Belia Darul Ehsan memendekkan lagu itu dan mengubah nasi berwarna kepada nasi kunyit kerana ia merupakan dialek yang digunakan oleh penduduk di negeri Terengganu.</li> <li>• Jika dari segi perubatan, zaman dahulu mempunyai kepercayaan kepada kebendaan seperti hantu dengan memberi pulut kuning, telur dan ayam. Dan kepercayaan ini adalah syirik jadi mereka telah menukar lirik lagu mengikut selera penonton dengan menggunakan istilah yang dapat difahami oleh penonton.</li> </ul>
0:51:10 – 0:53:37	<p><b>Mantera atau jampi yang disebutkan di dalam lirik lagu ulek mayang</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Untuk lirik rangkap pertama, ada lirik yang menyebut atau menyeru semangat pinang.</li> <li>• Contohnya disebut seperti ‘umbok mayang diumbok umbok dengan jala-jemala’. Bomoh memuja semangat pinang dan jika pernah menonton drama tari bomoh itu</li> </ul>

		<p>sedang bermain dengan yang mayang.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bomoh itu juga menyeru di dalam lirik yang berbunyi ‘ku tahu asal usul mu tu, yang laut balik ke laut, yang darat balik ke darat, nasi berwarna hamba sembahkan’.</li> <li>• Maknanya seandainya pesakit itu jatuh sakit atau pengsan oleh kerana terkena sampuk hantu laut, dia minta yang laut balik ke laut. kalau terkena sampuk dari darat dan katakan hantu di darat minta balik ke darat.</li> <li>• Jadi, sebagai hadiah itu adalah nasi kunyit. Nasi berwarna kami sembahkan itu, dan akhirnya barulah ‘umbok mayang diumbok, umbok dengan jala-jemala, pulih mayang ku pulih’. Pulih itu untuk minta dia pulih balik seperti sedia kala.</li> </ul>
0:55:25 – 0:56:02	<b>Idola Puan Wan Salmah Binti Wan Sulaiman dalam berkecimpung tarian dan nyanyian ulek mayang</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Puan Wan Salmah Binti Wan Sulaiman merupakan orang pertama yang menyanyikan lagu ulek mayang jadi beliau tidak mempunyai idola untuk tarian dan nyanyian ulek mayang.</li> </ul>
0:57:03 – 0:59:57	<b>Kejadian histeria ketika menyanyi</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Beliau tidak pernah mendengar insiden berlakunya histeria tetapi ada yang mengatakan</li> </ul>

	<p><b>dan menari lagu ulek mayang</b></p>	<p>kumpulan-kumpulan lain yang mengalami histeria apabila mereka membuat persembahan ulek mayang.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Semasa beliau bersama dengan SUKTRA (Kumpulan Pemuzik dan Penari Tetap Terengganu) ataupun berada di dalam (Kumpulan Belia Darul Ehsan) tidak ada berlakunya insiden histeria.</li> <li>• Setelah Puan Wan Salmah Binti Wan Sulaiman berhenti dari kumpulan SUKTRA (Kumpulan Pemuzik dan Penari Tetap Terengganu) yang membuat persembahan ulek mayang ini, beliau pernah mendengar dari kumpulan lain terjadinya histeria terutamanya berlaku kepada penari.</li> </ul>
<p>0:59:58 – 1:02:33</p>	<p><b>Kejadian histeria yang disebabkan terlalu taksub dengan ulek mayang</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sememangnya apabila membuat persembahan ulek mayang, kita tidak boleh terlalu ghairah sehingga membuatkan kita lupa diri. Walaupun menari, kita kena beringat terutamanya untuk ulek mayang contohnya seperti membaca selawat atau bismillah.</li> <li>• Apabila lupa diri dan badan pula lemah, hantu atau syaitan suka berdamping.</li> </ul>

1:02:33 – 1:05:41	<b>Kisah ulek mayang dibukukan di dalam jurnal</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mereka yang membuat kajian berjumpa dengan sesiapa yang pernah bermain dengan ulek mayang. Jadi, orang yang membuat kajian ini akan memuat naik ke dalam jurnal atau buku.</li> </ul>
01:05:46-01:07:37	<b>Kelebihan tarian Ulek Mayang.</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ulek mayang merupakan salah satu seni warisan Terengganu yang membanggakan, mengharumkan nama negeri Terengganu.</li> <li>• Salah satu seni warisan negeri Terengganu yang membanggakan negeri kerana ramai yang suka melihat tarian itu.</li> </ul>
01:07:45-01:09:24	<b>Perbezaan tarian Ulek Mayang.</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Setiap negeri ada tarian-tarian masing-masing tapi bagi tokoh, ulek mayang adalah yang terbaik.</li> <li>• Perlis dengan canggung, Penang dengan boria, Kelantan dengan asyik, Dondang Sayang Melaka,</li> <li>• Pahang Walinong Sari.</li> <li>• Tapi setiap negeri dia ada keistimewaan ataupun tarian yang khusus untuk negeri dia yang yang boleh menaikkan nama negeri negeri masing-masing</li> </ul>

01:09:24-01:17:44	<b>Pencapaian Tokoh</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Anugerah-anugerah yang tokoh terima bukanlah aktif dalam ulek mayang sahaja, akan tetapi tokoh aktif dalam semua bidang kesenian.</li> <li>• Hal ini kerana tokoh adalah seorang penari, penyanyi, berlakon dan tenaga pengajar.</li> <li>• Pada 1972, Tokoh dapat pingat PJK (Pingat Jasa Kebaktian) dan dianugerahkan oleh Kebawah duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu.</li> <li>• Pada 1979, Tokoh mendapat pingat PPN (Pingat Pangkuan Negara) oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Agong.</li> <li>• Pada 1987, Tokoh mendapat Anugerah Khidmat Cemerlang Negeri daripada Kerajaan Negeri</li> <li>• Pada 1990, Tokoh mendapat Anugerah Khas Juri Tokoh Budaya.</li> <li>• Pada 1992, Tokoh dianugerahkan AMT (Ahli Mahkota Terengganu).</li> <li>• Pada 2015, Tokoh mendaaoat Tokoh Budaya Sekolah Sultan Sulaiman.</li> <li>• Pada 2016, Tokoh mendaaoat Anugerah Tokoh Seni Budaya</li> </ul>
-------------------	-------------------------	--

		<p>Negeri Terengganu 2016 daripada JKKN Terengganu.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pada 2018, Tokoh adalah salah seorang daripada dua puluh empat orang mendapat Anugerah di Malam Apresiasi Seni.</li> <li>• Pada 2018 juga, Tokoh mendapat Anugerah Tokoh Gamelan Melayu Terengganu 2018.</li> </ul>
01:17:46-01:19:33	<b>Anugerah yang paling bermakna buat tokoh.</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Anugerah AMT adalah pencapaian tertinggi kerana dapat daripada sultan.</li> <li>• Akan tetapi, kalau dari segi menghargai penglibatan secara menyeluruh adalah Anugerah Tokoh Seni dan Budaya.</li> </ul>
01:19:34-01:21:04	<b>Melakukan persembahan ulek mayang di Istana.</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tokoh tidak mengingati adakah beliau ada melakukan tarian ulek mayang di istana akan tetapi beliau banyak melakukan persembahan gamelan di Istana.</li> <li>• Tambahan lagi, Ulek mayang banyak dipersembahkan di pentas-pentas luar kerana menadpaat banyak jempunan.</li> </ul>
01:21:08-01:23:01	<b>Dijemput membuat persembahan &amp; ditemuramah</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pernah mendapat jempunan di RTM.</li> <li>• Tokoh banyak ditemuramah tentang ulek mayang oleh pelbagai stesen televisyen iaitu</li> </ul>



		<p>antaranya TV3, TV1, TV Singapore, ASTRO dan TV OKEY.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Selepas tokoh bersara, mungkin ada penyanyi-penyanyi baru yang mendapat jemputan untuk membuat persembahan di stesen televisyen.</li> </ul>
01:23:03-01:29:11	<b>Cabaran Tokoh</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tiada cabaran yang pernah dilalui oleh tokoh.</li> <li>• Hal ini kerana pengalaman menari tidak sebanyak menyanyi kerana adanya penari-penari baru.</li> <li>• Tokoh lebih <i>concentrate</i> (tumpukan) dalam nyanyian jadi peluang untuk menari tidak banyak.</li> <li>• Tambahan lagi, pada Ketika itu tidak ada banyak audiovisual yang tokoh boleh gunakan untuk merakam nyanyian ataupun tarian walaupun tokoh adalah orang yang mula-mula aktif dalam semua bidang seni. Jadi, tidak ada rakaman yang dulu untuk tokoh abadikan kepada anak cucu cicitnya tetapi mungkin ada tapi tidak banyak.</li> <li>• Tokoh berpendapat mungkin itu adalah nasibnya kerana menjadi orang yang mula-mula terlibat.</li> </ul>

		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tokoh menceritakan penglibatannya menjadi AJK di Festival Gamelan Sedunia selama lima tahun berturut-turut.</li> </ul>
01:29:13-01:33:34	<b>Penglibatan tokoh lebih kepada ulek mayang atau pun gamelan.</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memang tidak dinafikan tokoh memang terkenal mula-mula dari ulek mayang kerana beliau merupakan orang yang pertama menyanyikan lagu itu tetapi beliau juga adalah orang yang pertama menghidupkan semula gamelan.</li> <li>• Ramai orang rujuk kepada beliau mengenai gamelan seperti pelajar-pelajar IPT yang membuat kerja khusus mengenai gamelan.</li> <li>• Hal ini kerana tokoh mendapat tunjuk ajar daripada penari gamelan sebenar iaitu arwah Mok Nang sebelum arwah mangkat pada tahun 80-an.</li> </ul>
01:33:51-01:34:37	<b>Perasaan tokoh menjadi orang pertama menyanyikan lagu ulek mayang.</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Semestinya tokoh gembira dan bangga kerana sekarang lagu ulek mayang sangat popular di masa sekarang.</li> <li>• Tambahan lagi, ramai orang kenal tokoh dengan ulek mayang sehingga kan apabila tokoh bertugas di Kuala Lumpur pun ada rakan sekerja beliau juga daripada</li> </ul>

		Terengganu dan memperkenalkan beliau sebagai penyanyi asal lagu ulek mayang.
